



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 993]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Peguambela dan Peguamcara (Pindaan) [Ruangan 1004]

Rang Undang-undang (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy [Ruangan 1026]

Rang Undang-undang Perihal Dagangan [Ruangan 1028]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1063]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Rabu, 6hb September, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
" Peguam Negara, TAN SRI HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
" Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
" TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
" TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
" DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
" TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
" TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
" TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
" PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
" TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
" TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
" TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
" DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
" DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
" DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
" TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
" DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
" PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
" DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
" TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
" TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
" DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).
" DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
" TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
" TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
 „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
 „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
 „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
 „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
 „ AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
 „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
 „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
 „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
 „ DATUK S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
 „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
 „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
 „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
 „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
 „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
 „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
 „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).

YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
 „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
 „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
 „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
 „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PEPERIKSAAN BAHASA
KEBANGSAAN BAGI KAKITANGAN
KERAJAAN BUKAN MELAYU**

1. Tuan Yeap Kheng Yam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab utama mengapa peperiksaan Bahasa Kebangsaan dijalankan tiap-tiap tahun ke atas kakitangan-kakitangan Kerajaan bukan Melayu;
- (b) samada kelulusan peringkat III sama tarafnya dengan kelulusan Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan SPM atau MCE; dan
- (c) mengapa orang-orang yang telah lulus dalam peperiksaan peringkat III dalam tahun 1970 masih belum diberi sijil.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Tujuan peperiksaan itu ialah untuk menilai kecakapan peserta-peserta yang mengikuti kursus Bahasa Malaysia yang dikelolakan bagi pegawai-pegawai Kerajaan bukan Melayu. Peserta-peserta yang berjaya dalam tiap-tiap peringkat I, II dan III akan diberi sijil.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat kursus ini diadakan ialah untuk memberi pengetahuan Bahasa Malaysia yang cukup untuk digunakan oleh pegawai-pegawai Kerajaan di dalam urusan pekerjaan mereka sehari-hari.

- (b) Tidak sama.
- (c) Ini adalah tidak benar. Kementerian Pelajaran telah pun menghantar sijil-sijil pemeriksaan Bahasa Malaysia peringkat I, II dan III pada Ketua-ketua Pegawai Pelajaran Negeri untuk dikeluarkan kepada calon-calon yang berjaya. Calon-calon yang belum menerima sijil, kalau ada, mereka bolehlah berhubung dengan Ketua-ketua Pegawai Pelajaran Negeri masing-masing untuk mendapatkan sijil-sijil tersebut.

**BEKAS-BEKAS PERAJURIT—
BANTUAN**

2. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu bekas-bekas perajurit dan berapa bilangan perajurit-perajurit yang sekarang ini di dalam simpanan yang bersedia untuk dipanggil apabila keadaan menghendaki.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, masalah utama yang dihadapi oleh sebahagian besar bekas-bekas perajurit ialah masalah pekerjaan. Sungguhpun ada jawatan-jawatan tertentu di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang telah dikhaskan sejak tahun 1969 untuk dipenuhi, samada sebahagiannya atau kesemuanya sekali, dengan bekas-bekas perajurit, jawatan-jawatan yang dikhaskan itu banyak meliputi jenis-jenis seperti pegawai bomba, atendan hospital, derebar, warder penjara dan lain-lain yang tidak memerlukan kemahiran atau kebolehan ketukangan yang khas. Untuk memberikan mereka peluang-peluang pekerjaan yang lebih luas lagi, terutamanya di dalam sektor-sektor perdagangan dan perusahaan swasta, maka Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi melengkapkan anggota-anggota tentera dengan kemahiran yang produktif mengikut pilihan masing-masing sebelum mereka itu meninggalkan perkhidmatan tentera. Sebagai langkah jangka pendek, anggota-anggota tentera yang akan bersara adalah diberi peluang untuk menjalani latihan vokesyenal di Instituti Latihan Perusahaan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Sebagai rancangan jangka panjang pula, satu Pusat Latihan Kemahiran akan ditubuhkan untuk maksud ini.

Bekas-bekas perajurit telah banyak mendapat faedah daripada layanan-layanan istimewa yang diberikan kepada mereka, bukan sahaja dalam penawaran-penawaran pekerjaan di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun, dalam hal-hal tertentu di dalam sektor-sektor swasta, dan dalam pengeluaran permit-permit dan lesen-lesen perniagaan tetapi juga di dalam rancangan-rancangan tanah yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan dalam lain-lain projek yang dilancarkan oleh Kerajaan-kerajaan ini. Sebagai contoh,

dalam rancangan-rancangan tanah FELDA, 20% tempat-tempat adalah diuntukkan bagi bekas-bekas perajurit. Disamping itu, Kerajaan kini sedang giat mengusahakan projek rancangan-rancangan khas untuk bekas-bekas perajurit.

Lain-lain bentuk pertolongan yang diberikan kepada bekas-bekas perajurit, Tuan Yang di Pertua, termasuklah rawatan perubatan percuma di wad kelas dua di hospital-hospital Kerajaan dan bantuan kewangan kepada perojek Wisma Pahlawan dalam mana Kerajaan telah bersetuju untuk membantu sebanyak \$2 bagi tiap-tiap seringgit yang diperolehi oleh Persatuan Bekas-bekas Perajurit melalui kempennya mengutip derma untuk projek itu.

Mengenai bahagian kedua soalan itu, Tuan Yang di Pertua, saya fikir maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah anggota-anggota tentera yang bersara yang terdapat di dalam senarai simpanan dan bukannya anggota Pasukan-pasukan Tentera Sukarela yang mana mereka itu adalah juga boleh dikerah untuk berkhidmat sepenoh masa dalam masa darurat, jika perkhidmatan mereka itu dikehendaki. Jumlah anggota-anggota tentera yang ada di dalam senarai simpanan ialah 163 orang. Anggota-anggota tentera yang bersara setelah berkhidmat selama 10 tahun adalah disenaraikan sebagai anggota simpanan hanya untuk selama dua tahun sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya tidak memberi notis terlebih dahulu, tetapi kalulah boleh Yang Berhormat Menteri menjawab mengenai tentera kita yang bersara yang dalam simpanan dua tahun itu berapa jumlahnya, kerana mereka inilah yang perlu kita fikirkan atas kedudukan mereka itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya tidak dapat beri penerangan di sini.

TAHANAN POLITIK (POLITICAL DETAINEES)

3. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan ahli-ahli politik bagi tiap-tiap Negeri yang ditahan oleh Kerajaan semasa kejadian 13hb Mei, 1969 serta menyatakan bilangan mereka itu yang masih ditahan bagi tiap-tiap Negeri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya suka menyatakan bahawa tidak ada orang-orang tahanan politik atau "political detainees" yang telah ditahan semasa Peristiwa 13hb Mei, 1969. Oleh yang demikian soalan berapa banyak yang maseh ditahan tidak timbul.

PONDOK-PONDOK TALIPON AWAM DI KAMPUNG BAHARU

4. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau mengetahui bahawa kebanyakan kampung-kampung baharu tidak mempunyai pondok-pondok talipon awam dan samada Kerajaan bermaksud hendak membekal keperluan asas itu kepada semua kampung-kampung baharu.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, cadangan untuk pondok-pondok talipon di luar bandar yang meliptui kampung-kampung baharu adalah dikemukakan oleh tiap-tiap Jawatankuasa Pembangunan Negeri. Bila cadangan-cadangan itu dapat dijalankan adalah bergantung kepada keutamaan yang diberi kepadanya dan jumlah peruntukan yang dapat bagi pembangunan talipon-talipon awam luar bandar. Pada masa ini ada lebih kurang 1,450 pondok-pondok talipon awam dalam negeri ini.

LAPANGAN TERBANG DI PORT DICKSON

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perhubungan menerangkan samada Kerajaan bermaksud hendak membina sebuah lapangan terbang di Port Dickson; jika ya, bila ia akan didirikan.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, Kementerian Perhubungan akan terus membuat penyiasatan tentang keperluan lebih banyak lapangan-lapangan terbang bagi memenuhi kehendak kawasan-kawasan di mana keperluan perkhidmatan udara difikirkan boleh mendatangkan faedah. Masih belum ada rancangan untuk membina lapangan terbang di Port Dickson, tetapi jika ia diperlukan Kementerian ini akan membuat kajian yang sehalus-halusnya.

PERMIT LORI MEMBAWA BALAK

6. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Perhubungan menyatakan berapa banyakkah permit-permit yang diberi kepada lori-lori untuk membawa balak hingga sekarang ini dan adakah Kerajaan sedar bahawa lori-lori balak itu kerap kali berjalan terlalu laju dari had yang ditetapkan baginya, hal ini amat membahayakan lalulintas yang lain; jika sedar, apakah tindakan yang sudah, sedang dan akan diambil dalam hal itu.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, bilangan lesen lori balak pada masa sekarang ini ialah sebanyak 2,959 buah.

Kementerian saya sedar tentang adanya lori-lori balak yang melakukan perbuatan lari deras melebihi had laju yang dibenarkan. Pihak Polis dan Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sentiasa menjalankan tindakan-tindakan kuatkuasa Undang-undang terhadap pemandu-pemandu yang melarikan kenderaan mereka melebihi had laju yang dibenarkan iaitu dengan mengadakan perangkap-perangkap had laju dan di antara 1hb Julai, 1971 hingga 31hb Disember, 1971 sebanyak 467 buah lori termasuk lori balak telah disaman. Pada 1hb Mei, 1972 satu Pasukan Gerak-Cepat yang dianggotai oleh Polis dan Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan telah ditubuhkan diseluruh negeri dalam Malaysia Barat yang ditugaskan khas untuk mengambil tindakan terhadap kenderaan perdagangan yang tidak mematuhi Peraturan-peraturan Lalulintas Jalan dan di antara 1hb Mei, 1972 hingga 30hb Julai, 1972 sebanyak 318 lori termasuk lori balak telah disaman kerana kesalahan lari deras melebihi had laju yang dibenarkan.

30% BUMIPUTRA DALAM KEGIATAN EKONOMI NEGARA

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementeriannya mengenai hasil-hasil Kongres Ekonomi Islam yang berlangsung di Ibu Kota dalam bulan April baharu-baharu ini dalam konteksnya dengan pengumpulan modal bumiputra menuju ke arah penglibatan bumiputra sebanyak 30% dari kegiatan ekonomi negara kita.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, satu daripada keputusan yang diluluskan dalam Kongres Ekonomi Yang Kedua dahulu ialah menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Kompleks Kewangan dengan modal \$100 juta dalam tempoh 10 tahun. Badan ini telahpun ditubuhkan beberapa bulan yang lalu dan mempunyai 6 buah cawangan yang kesemuanya itu dijalankan bagi memenuhi kehendak Kongres tersebut.

Enam badan yang tersebut ialah:

- (i) Amanah Saham MARA telah dimasukkan ke dalam Kompleks Kewangan;
- (ii) Pasaran Kewangan Jangka Pendek yang bernama Malaysia Discounts Berhad;
- (iii) Rancangan jimat cermat bagi orang ramai menyimpan wang dan diperniagakan oleh badan ini;
- (iv) Pasaran Saham Bumiputra;
- (v) Pengurusan Tabung Persendirian; dan
- (vi) Underwriting.

Saya suka juga menerangkan serba ringkas di sini Amanah Saham MARA telah membuat kejayaan yang besar 6 tabung telahpun diadakan dan saham-saham yang telah dibeli dan dijual semua kepada bumiputra berjumlah \$18,600,000 dan daripadanya keuntungan yang telah diperolehi ialah sebanyak \$2,121,200 dan wang pokok itu telah kembang iaitu capital appreciation daripada \$18,600,000 telah meningkat kepada \$30,240,000. Ini adalah merupakan satu kejayaan yang besar dan tabung yang ketujuh akan dijual barangkali dalam tempoh sebulan dua lagi apabila keadaan pasaran saham di Malaysia bertambah baik.

Berkenaan dengan Malaysia Discounts Berhad dengan modal \$2 juta pada masa ini menjalankan perniagaan sebanyak \$79 juta pada sehari dan ini ada mempunyai keuntungan yang besar kepada badan ini. \$79 juta yang saya sebutkan ialah perniagaan pada satu hari dan bukan satu bulan, atau satu tahun. Kemudian badan-badan yang lain iaitu satu badan jimat-cermat iaitu mengajak orang ramai mengumpulkan wang dengan cara beransur-ansur pada hari ini didapati ada 1,130 orang mengambil bahagian dan sebahagian besarnya daripada kakitangan Kerajaan dan wang yang dapat dikumpulkan di antara \$15,000 sehingga \$20,000 sebulan.

Kemudian berkenaan dengan Pasaran Saham Bumiputra ada 5 buah syarikat yang telah mendaftarkan diri dengan Kompleks Kewangan ini supaya Kompleks Kewangan menolong menjualkan saham-saham mereka itu.

Lima buah syarikat itu ialah:

- (i) Sri Jaya;
- (ii) Utusan Melayu;
- (iii) Kenderaan Melayu Kelantan;
- (iv) Permodalan Kebangsaan Selangor; dan
- (v) Permodalan Kebangsaan Perak,

dan jumlah perniagaan yang telah dijalankan selama beberapa bulan yang lalu ialah \$1.5 juta.

Kemudian ada lagi satu badan yang dinamakan Pengurusan Tabung Persendirian. Ini dengan tujuan mereka yang mempunyai wang \$30,000 ke atas, jika Ahli Yang Berhormat yang bertanya suka hendak masuk dalam rancangan ini, boleh diterima untuk dijalankan perniagaan dan pada hari ini ada lebih kurang \$2 juta termasuk badan-badan berkanun yang telah menggunakan badan ini untuk mendapat faedah.

Dan yang ke enam Underwriting. Ini berjalan dari satu masa ke satu masa apabila ada kompeni-kompeni yang hendak menjual saham, maka Kompleks Kewangan sedia untuk menjadi badan underwriting. Pada keseluruhannya dalam tempuh yang tidak beberapa bulan, saya merasai bahawa Kompleks Kewangan telah mendapat kejayaan. Target kita hendak mengumpulkan 250,000 orang bumiputra supaya dapat mengambil bahagian dan sekarang ini jumlah itu telah meningkat kepada 38,000 orang dan modalnya lebih daripada \$20 juta yang telah terkumpul. Ini bermakna kejayaan telah tercapai sebanyak 20%.

Tuan Yang di Pertua, ada satu rancangan yang lain iaitu meminta orang Islam membayar sedikit wang tambahan pada tiap-tiap tahun apabila membayar zakat. Cara ini telahpun diserahkan kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dan badan itu telah membuat keputusan merumbak banyak wang yang hendak dipungut itu. Dalam Kongres dahulu dicadangkan tiap-tiap orang menambah 30 sen, tetapi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam mencadangkan supaya satu keluarga diminta membayar \$1 dan bagi orang bujang 50 sen. Wang itu

semuanya akan terkumpul dalam Majlis Hal Ehwal Ugama Islam tiap-tiap Negeri yang akan ditanamkan dalam Kompleks Kewangan ini. Saya berharap Kerajaan Negeri akan dapat menjalankan mulai pada tahun ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, yang saya kurang faham daripada jawapan ini ialah dua. Saya hendak kemukakan satu dahulu, iaitu perkara-perkara yang disebutkan ini tadi dibuat hasil daripada Kongres itu berlakukah ataupun lama sudah berlaku? Itu yang saya hendak tahu. Sebab bila disebutkan Kenderaan Melayu Kelantan, kalau tidak silap saya—NETS, kalau saya silap, boleh tolong betulkan. Ini semasa saya budak-budak lagi saya ada sepuluh syer—\$10. Ini cerita 20 tahun dahulu dan di masa itu Parlimen ini pun belum ada lagi. Bagaimana benda itu dibuat dalam konteks ini? Itu yang saya kurang faham sedikit. Tolonglah Yang Berhormat Menteri ini memberi sedikit penerangan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di Pertua, kebanyakan kompeni-kompeni adalah mendaftarkan pasaran sahamnya dalam stock exchange, tetapi bagi pehak syarikat-syarikat yang dipunyai oleh orang Melayu semata-mata, tidak dapat hendak didaftarkan di dalam stock exchange itu. Mereka itu sukar hendak menjual saham kepada orang-orang Melayu. Orang Melayu hendak membeli pun tidak tahu di mana; siapa yang hendak menjual, siapa yang hendak membeli, siapa pun tidak tahu. Jadi, Kompleks Kewangan menubuhkan sebuah badan anaknya yang bernama Pasaran Saham Bumiputra untuk menjadi orang tengah bagi menolong menjualkan ataupun mencari pasaran bagi syarikat-syarikat yang dimodali 100% oleh orang Melayu, termasuklah Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak menjual saham yang \$10.00 itu, tidak tahu siapa yang hendak membelinya, maka datanglah ke tempat ini, kami boleh tolong menjualkannya. Komisyen 1%. (*Tepuk*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang di Pertua, minta Yang Berhormat Menteri tolong menerangkan, iaitu yang saya faham tadi satu daripada enam badan ini ada satu badan yang kita meminta bumiputra menyimpan wang. Kemudian badan itu memperniagakan wang itu. Apakah ini

satu kontek yang disedari oleh orang-orang yang menyimpan wang itukah, ataupun ini sebagai satu peluang yang diambil oleh badan itu sendiri untuk memperdagangkan wang yang diamanahkan.

Tuan Yang di Pertua, saya terpaksa menerangkan sedikit mengapa saya bertanya begini, iaitu misalnya Tabung Haji. Kita menyimpan bukan di atas dasar perdagangan, tetapi yang saya tahu kita perniagakan wang itu, membeli saham dan dapat 6% melalui sebuah badan yang lain—Bank Negarakah, saya tidak ingat, Walhasil diperniagakan. Jadi, di atas 6% itu, badan yang menjadi orang tengah ini, yang menyimpan di tempat yang lain atau membeli saham, memberi 3%, maka dinamakan bonos dan ini saya bukan ahli ekonomi, tetapi saya sudah study, saya dapati ini bukan bonos dan ini dibuat dengan satu cara yang tidak diketahui oleh satu parti yang lain. Adakah ini pun berlaku begitu juga?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di Pertua, wang yang disimpan ini bukannya wang simpanan. Yang sebenarnya wang untuk diperniagakan, tetapi oleh kerana orang kampung terutamanya, tidak mempunyai wang yang cukup sekali gus, maka mereka menghantar wang itu kepada Kompleks Kewangan secara beransur-ansur. Apabila genap \$50.00, maka itu dijadikan satu unit, satu saham dan wang itu diperniagakan di tempat yang difikirkan memberi keuntungan yang banyak dan segala keuntungan itu dipulangkan kepada mereka. Cuma Kompleks Kewangan mengambil 1% sebagai service charge sahaja. Jadi, yang lain itu dipulangkan. Ini berlainan sekali daripada Tabung Haji dan Tabung Haji sendiri, kalau suka, boleh masuk ke dalam Kompleks Kewangan. Kita akan memberi keuntungan penuh kepada mereka, bukan separuh-separuh dan capital appreciation, kalau pasaran baik, akan naik, dan lebih menguntungkan lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan yang terakhir. Saya amatlah gembira mendengar penerangan ini, tetapi dukacita juga. Adakah benar mengatakan oleh kerana tugas ini terlalu berat, maka Yang Berhormat Menteri kita yang dikasihan hendak berhenti daripada jawatan itu?

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Jawatan Menterikah atau jawatan Pengerusi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, jawatan Pengerusi. Jawatan Menteri tentulah saya tahu, tidak akan beliau hendak berhenti (*Ketawa*).

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Menteri pun kena berhenti bila sampai pilihanraya. Jawatan Pengerusi ini belumlah ada ura-ura saya hendak berhenti, bahkan kalau bertambah berat, lebih suka saya pikul lagi, kerana ini satu perkara yang memberi faedah sesuai dengan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua kita (*Tepuk*).

HARI GURU/KANAK-KANAK SEBAGAI HARI KELEPASAN

8. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Hari Guru pada 16hb Mei dan Hari Kanak-kanak pada 3hb Oktober, akan diistiharkan sebagai hari-hari kelepasan bagi sekolah-sekolah dan jika tidak mengapa;
- (b) samada beliau akan menaikkan gaji guru-guru sementara yang berkelulusan Senior Middle III (Cina) daripada \$205 kepada \$230 sebulan sebagaimana guru-guru berkelulusan MCE atau SPM, mulai bulan Januari, 1970; dan
- (c) bilakah Kementerian Pelajaran akan mengiktirafkan ijazah-ijazah dari Universiti-universiti Taiwan dan Nanyang.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Salah satu daripada tujuan mengadakan Hari Guru-guru ialah supaya guru-guru, ibubapa dan murid-murid dapat bergaul mesra dengan lebih baik lagi melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan di sekolah-sekolah pada Hari tersebut. Aktiviti-aktiviti yang dirancangan oleh guru-guru di sekolah-sekolah yang berkenaan bersama-sama dengan ibubapa-ibubapa dan murid-murid ialah bertujuan untuk melambangkan kesetiaan dan dedikasi para guru di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka itu melalui ikrar yang dibuat oleh mereka pada Hari tersebut. Oleh yang demikian, jika Hari Guru-guru ini diistiharkan sebagai hari

kelepasan, maka tujuan-tujuan atau maksud-maksud Hari Guru itu diadakan tidak akan dapat dicapai.

Mengenai Hari Kanak-kanak yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu sempena Hari Kanak-kanak Sedunia, Hari ini ditujukan kepada kanak-kanak yang di bawah umur 12 tahun baik yang bersekolah ataupun yang belum bersekolah. Kalau hari ini diistiharkan sebagai hari kelepasan, maka ini akan melibatkan semua murid-murid sekolah termasuk juga mereka yang berumur lebih daripada 12 tahun. Oleh kerana hari ini bukan ditujukan khas kepada kanak-kanak sekolah, maka cadangan supaya Hari ini dijadikan sebagai hari kelepasan tidak dapat ditimbangkan.

- (b) Dukacita perkara ini tidak dapat dipertimbangkan.
- (c) Satu keputusan muktamad mengenai ijazah-ijazah tersebut akan dibuat dalam tahun ini.

TANGGA GAJI GURU-GURU— MENGULANGKAJI

9. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada suatu Jawatankuasa Khas akan dibentuk untuk mengulangkaji tangga gaji dan gred-gred guru-guru seperti mereka-mereka yang telah dikelaskan di dalam Gred BI dan tiada dapat diselesaikan oleh Lapuran Suruhanjaya Aziz, dan jika ya, bila akan dibentuk dan samada ahli-ahli jawatankuasa ini akan mengandungi Ahli-ahli Parlimen; dan
- (b) samada Kementerian beliau akan memberi makanan-makanan yang mengandungi zat dengan percuma kepada murid-murid sekolah rendah diseluruh negara kerana ramai daripada murid-murid ini datang ke sekolah dengan perut kosong yang mana akan merosakkan kesihatan mereka.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Tidak. Gaji semua gulungan guru, termasuk guru-guru yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dikaji oleh Suruhanjaya Gaji Aziz dan syor-syor Suruhanjaya tersebut, setakad

mana ianya diterima oleh Kerajaan, telahpun dilaksanakan seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971.

- (b) Tidak, kerana ini akan memakan belanja yang besar. Walaubagaimanapun ada beberapa rancangan makanan di sekolah-sekolah yang dipilih yang sedang dijalankan sekarang. Rancangan-rancangan ini dianjurkan oleh pertubuhan sukarela seperti Majlis Pusat Kebajikan, Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Perkhidmatan Kebajikan Katholik. Disamping itu juga ada badan-badan separuh Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang mengendalikan rancangan makan mereka sendiri.

Saya suka juga memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu pada masa ini lebih kurang 100,000 orang murid-murid sekolah dan 500 buah sekolah di Malaysia Barat terlibat dalam rancangan-rancangan makanan, tambahan di sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan-badan sukarela seperti yang saya sebutkan tadi.

Mengenai zat makanan untuk murid-murid sekolah Kementerian Pelajaran sedang mengambil bahagian bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Tanah dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam satu kajian printis mengenai zat makanan di bawah kelolaan Jawatankuasa Projek Zat Makanan Peringkat Kebangsaan (Applied Nutrition Project National Committee) di kawasan printis di Teluk Datuk Selangor. Satu rancangan dalam projek printis ini adalah dibiayai oleh Pertubuhan Bantuan Kanak-Kanak Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) iaitu sebuah badan Bangsa-bangsa Bersatu. Adapun rancangan amalan penilaian makanan ini melibatkan bukan sahaja makanan tambahan, tetapi kegiatan-kegiatan kesihatan, pelajaran dan ekonomi untuk meninggikan taraf makanan iaitu nutrition.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadang bahawa

Rang Undang-undang Peguambela dan Peguamcara (Pindaan), 1972 dibaca pada kali yang kedua.

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan Peguam-peguam Malaysia Barat yang diadakan pada 12hb Februari, 1972 di Kuala Lumpur satu daripada ketetapan-ketetapan yang telah diluluskan ialah untuk meminta Kerajaan supaya seksyen 25 (2) Ordinan Peguambela dan Peguamcara, 1947 dipinda untuk mengadakan peruntukan bahawa tiada sesuatu perakuan untuk menjalankan amalan boleh dikeluarkan oleh Pendaftar kepada seseorang Peguambela dan Peguamcara melainkan jika semua tunggakan yuran kepada Majlis Peguam dan kepada Jawatankuasa Peguam Tempatan yang berkenaan telah dijelaskan oleh Peguambela dan Peguamcara itu.

Sebabnya Majlis Peguam, sebagai suatu badan, terpaksa meluluskan ketetapan itu ialah kesukaran yang dialami oleh Majlis Peguam dan Jawatankuasa Tempatan untuk memungut yuran yang kena dibayar oleh ahli-ahli Majlis Peguam yang menjalankan amalan di Malaysia Barat. Perbincangan penuh atas masaalah ini telah diadakan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang tersebut di atas dan sebilangan besar daripada ahli-ahli bersetuju bahawa hanya ada satu jalan sahaja bagi memastikan supaya yuran itu dibayar pada waktunya yang tepat iaitu dengan menjadikan pembayaran yuran sebagai satu daripada syarat—yang hendak ditunaikan sebelum perakuan-perakuan untuk menjalankan amalan dikeluarkan oleh Pendaftar.

Majlis Peguam ialah suatu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Ordinan Peguambela dan Peguamcara, 1947 untuk menjaga hal ehwal dan tata tertib ahli-ahli Majlis Peguam di Malaysia Barat. Tiap-tiap loyar yang menjalankan amalan di Malaysia Barat adalah seorang ahli Majlis itu di bawah Ordinan itu. Bagaimanapun, menurut seksyen 25 Ordinan itu perakuan amalan adalah dikeluarkan kepada loyar itu tiap-tiap tahun apabila dipatuhi peruntukan dalam kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah Ordinan itu. Peruntukan yang dicadangkan itu ialah semata-mata suatu peruntukan tambahan yang hendak dipatuhi sebelum perakuan amalan tahunan di bawah seksyen itu dikeluarkan kepada seseorang loyar.

Tuan Yang di Pertua, pindaan yang satu lagi yang dicadangkan itu ialah kepada taarif "qualified person" (orang yang berkelayakan) dan kepada seksyen 5 Ordinan itu. Undang-undang seperti yang ada sekarang tidak membenarkan seseorang yang telah lulus Peperiksaan Akhir Undang-undang berlatih menjalankan amalan dalam Kamar (Chambers) sehingga selepas Konvoquesyen, iaitu sehingga ia telah sebenarnya "dianugerahkan" dengan ijazah. Manakala di Singapura, undang-undang membenarkan tiap-tiap orang yang telah lulus Peperiksaan Akhir Undang-undang berlatih menjalankan amalan dalam Kamar (Chambers) dan dengan demikian ia dapat menyelamatkan masa selama empat hingga enam bulan yang mana, jika tidak, akan terbuang sahaja masa itu.

Pendek kata, tujuan pindaan-pindaan kepada undang-undang tersebut adalah seperti yang telah dikatakan dalam Huraian kepada Rang Undang-undang itu seperti berikut:

- (1) Untuk membolehkan sesiapa juga yang telah lulus peperiksaan akhir Undang-undang Universiti Malaya atau Universiti Singapura untuk berlatih menjalankan amalan dalam Kamar tanpa terpaksa menanti konvoquesyen.
- (2) Untuk mengadakan peruntukan bahawa tiada sesuatu perakuan untuk menjalankan amalan atau prektis boleh dikeluarkan oleh Pendaftar kepada lawyer melainkan jika semua tunggakan yuran kepada Majlis Peguam dan kepada Jawatankuasa Peguam Tempatan yang berkenaan telah dijalankan oleh Peguambela dan Peguamcara itu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk bercakap dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita tidak untuk menentang, tetapi untuk memberi sokongan dengan sedikit pandangan.

Langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini ialah bagi kemudahan-kemudahan untuk Peguam-peguam kita di satu pihak dalam melaksanakan kerjanya, dan di satu pihak

lain bagi kemudahan khusus kepada Persatuan Peguam ataupun pihak Chambernya sendiri yang merasa terlalu sulit untuk mendapatkan wang yuran yang sepatutnya dibayar kepada Bar Chamber itu sendiri.

Tuan Yang di Pertua, tidak ada sebab kita hendak menentang Rang Undang-undang ini, kerana dia adalah satu langkah yang sangat baik, tetapi daripada gambaran yang ditunjukkan sehingga pihak Chambers sendiri merasa bahawasanya mestilah satu Undang-undang diadakan yang dikaitkan iaitu tidak akan dikeluarkan sebarang kebenaran untuk prektis melainkan dapat ditunjukkan risit pembayaran wang yuran itu menunjukkan dengan nyata bahawasanya pihak peguam-peguam itupun adajuga yang melambatkan bayarannya yang sepatutnya dibayar. Yang demikian, pihak Persatuan Peguam dapat bertindak dan dapat merayu kepada Kerajaan sehingga Kerajaan campur tangan bagi mengadakan pindaan Undang-undang yang boleh menjamin bahawasanya wang bayaran itu terdapat kepada mereka.

Disuatu pihak yang lain. Tuan Yang di Pertua, pihak rakyat, pihak anak guaman daripada lawyer-lawyer ini, atau daripada peguam-peguamnya sendiri banyak juga didapati bahawasanya mereka bertemu dengan kesulitan dalam mendapatkan wang-wang mereka dalam soal-soal yang mereka bawa kes mereka itu, payah sedikit mendapat duit, bukan semua, tetapi sebahagiannya ada lawyer-lawyer yang menyalahgunakan wang; dia kata, tidak apa, tidak dapat lagi; sebenarnya sudah dapat, sehingga orang itu sudah dapat rahsia yang sebenar-benar daripada pihak insuran misalnya, sudahpun menjelaskan wang bayaran yang dituntut. Kemudian dia terpaksa mencari lawyer lain untuk bertindak, baharu lekas diselesaikan atas perkara itu, kerana takut profesynya tergugut. Jadi, Tuan Yang di Pertua, bagi orang yang ada duit, dia boleh pergi mencari lawyer lain. Sebelum kesnya itu di bawa ketengah, dia hendak menjaga nama baik sebagai seorang professional maka perkara itu selesai. Tetapi bagi orang yang tidak ada duit, adalah menjadi kesukaran baginya. Dia tidak tahu bagaimana cara hendak buat, hendak pergi cari lawyer lain, kena duit pula, yang ini pun dahulu sudah minta duit, kemudian dia termenung memikirkan bagaimana. Dan saya fikir, Tuan Yang di Pertua, kalau hal ini boleh di bawa kepada Bantuan Guaman yang ditubuhkan oleh Kerajaan, barangkali rakyat

yang terkena atas perkara yang semacam ini, boleh mendapat pertolongan dengan tidak memeningkan kepala mereka.

Banyak terjadi, Tuan Yang di Pertua, wang yang diamanahkan kepada satu-satu pihak maka satu kompeni sebagai peguam itu menjadi trustee, wang itu tidak diberitahu atau wang itu telah dibelanjakan dahulu kemudian itu bila timbul orangnya mendesak, baharulah dia berfikir bagaimana cara hendak menyelesaikan sedangkan wang itu boleh digunakan oleh pihak berkenaan atau kalau sekiranya wang itu telah terdapat di tangan dia. Jadi perkara-perkara yang semacam ini, Tuan Yang di Pertua, merugikan kepada pihak-pihak anak-anak guaman yakni rakyat negeri kita. Rakyat negeri kita ini terdiri daripada orang-orang bijak, yang gagah, yang kuat, yang pandai dan juga yang miskin, yang lemah, yang bodoh, yang pandai—macam-macam. Bukan semuanya serupa. Sebab itu gulungan-gulungan yang tidak terdaya bertindak sendiri, saya fikir Majlis Bantuan Guaman patut membuka jalan supaya orang-orang yang merasa patut dia diberi bantuan mendapat pertolongan daripada Majlis Bantuan Guaman itu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Peguambela dan Peguamcara, 1947. Sukalah saya bertanya kepada Kerajaan atas keperluan untuk mengadakan pindaan di peringkat ini, terutama sekali menambah syarat-syarat dalam Seksyen 25 (2).

Pada pengetahuan kita semua, Ordinan Peguambela dan Peguamcara ialah satu warisan daripada penjajah. Kami sekarang ini adalah dalam tahun 1972 dan apa yang kami perlu adalah satu Ordinan Peguambela dan Peguamcara baharu. Masa dan keadaan sudah berubah dan kami patut ada satu Akta untuk menyesuaikan keperluan zaman ini.

Saya suka menerangkan bahawa saya tidak ada bantahan pindaan untuk membolehkan sesiapa juga yang telah lulus peperiksaan akhir undang-undang di Universiti Malaya, atau Universiti Singapura untuk berlatih menjalankan amalan dalam Kamar tanpa terpaksa menanti convokesyen. Tetapi pindaan untuk mengadakan peruntukan bahawa tidak ada sesuatu perakuan untuk menjalankan amalan boleh dikeluarkan oleh

Pendaftar melainkan sah semua tunggakan yuran kepada Majlis Peguam dan kepada Jawatankuasa Peguam Tempatan yang berkenaan telah dijelaskan oleh peguambela dan peguamcara itu ada sedikit berlainan daripada itu.

Sebagai seorang peguam, saya berasa segan bahawa pada hari ini di Dewan ini menghendaki membahaskan pindaan ini. Tidak pernah dalam tawarikh profesyen undang-undang di mana juga dunia ini telah mengadakan pindaan ini.

Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Tempatan patut menimbangkan sebab-sebab yang menyebabkan ahli-ahli Majlis itu mungkir membayar yuran-yuran. Ramai ahli-ahli sepatutnya telah bertanya apa perkhidmatan Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Tempatan telah memberi kepada mereka selain daripada mengadakan perhimpunan untuk bertengkar dengan ahli-ahli mahkamah dan mengadakan sukan. Orang-orang umum juga telah bertanya apa perkhidmatan ahli-ahli profesyen itu telah memberi kepada negara? Profesyen ini ialah satu profesyen yang terhormat, tetapi hari ini orang-orang umum telah kurang hormat kepada profesyen ini berbanding dengan di masa mula kurun 50, mengapa? Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Tempatan patutlah mengambil perhatian atas perkara ini dan cuba untuk mengatasinya. Jikalau itu tidak dapat dibuat oleh mereka, maka saya merayu kepada Kerajaan untuk mengadakan satu Akta baharu bagi memberi kecegahan yang cukup untuk orang-orang ramai.

Saya telah terima satu pengaduan bahawa di Ulu Selangor ada sebidang tanah getah yang mana pemiliknya ingin membahagikan untuk jualan. Sebelum tanah itu dibahagikan, tanah itu telah dijual kepada beberapa pembeli secara perjanjian. Selepas segala perjanjian telah ditandatangani dan disetem, peguam yang berkenaan yang bertindak untuk penjual dan pembeli entah bagaimana dapat cagarkan tanah itu kepada sebuah bank. Akibat dari itu adalah berbagai. Tidak semua peguam yang buat begitu tetapi oleh sebab nila setitik, rosak susu sebelanga. Akta baharu ini memang menguatkuasakan seksyen atas tindakan disiplin.

Satu masalah yang lain ialah berkenaan dengan pekerjaan ambulan-ambulan. Masa ini selalu berlaku dan saya merayu kepada

Kerajaan supaya mengambil perhatian atas perkara ini. Saya telah menerima pengaduan bahawa sekumpulan dari orang-orang itu yang mana telah ditimpa penderitaan dan kecederaan yang hilang sebanyak 50% kerugian mereka kepada peguam serta mahkamah yang mengambil pemindahan.

Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Tempatan juga patut menimbangkan dengan seriusnya atas soal Chamber reading oleh penuntut. Ramai penuntut susah hendak mencari tempat untuk Chamber reading. Saya diberitahu bahawa ramai peguam yang mempunyai lebih 7 tahun pengalaman enggan menerima penuntut, kerana takut mereka akan menarik pelanggan mereka kelak. Peguam-peguam yang menerima penuntut juga ada perasaan yang serupa dan mereka tidak menunjukkan perasaan mereka kepada penuntut-penuntut mereka.

Satu masaalah lagi ialah berkenaan dengan peperiksaan *viva voce*. Kegagalan-kegagalan yang terhad pula ialah seorang pengadil yang minta menetapkan jawatankuasanya adakah perlu mengambil peperiksaan ini. Adakah itu perlu? Saya minta maaf kerana menimbulkan perkara-perkara yang kurang elok ini dalam Dewan ini, tetapi saya berharap Kerajaan selepas mendengar ini akan membuat satu langkah untuk mengatasi perkara ini. Terima kasih.

Tuan Abdullah bin Datuk Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di Pertua, saya sebelum Rang Undang-undang ini di utarakan telah mengambil keputusan yang saya tidak akan mengambil bahagian apa-apa dalam perbahasan ini, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow seorang peguam juga telah membukakan buruk baiknya pertubuhan loyer-loyer kita Bar Council yang saya sendiri ialah seorang ahlinya, terpaksa saya bangun pada petang ini bukannya menentang apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow, tetapi ialah menyokong apa-apa yang telah dikatakannya.

Saya sendiri sudah bertahun-tahun menjadi Ketua Bar Committee di Negeri Johor dan juga menjadi Ahli Bar Council beberapa tahun dan beberapa tahun sudah saya bawa di hadapan Bar Council supaya kita mengadakan Akta yang baharu menggantikan Akta yang sudah lapuk itu.

Dua bulan dahulu, lagi sekali saya mengatankan dengan keras di dalam Bar Council supaya ditetapkan masanya yang Rang Undang-undang baharu itu dibawakan ke hadapan Peguam Negara supaya dibawa ke Majlis Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi malangnya bukan sahaja Rang Undang-undang tahun 1947 itu berlakuk malahan ada separuh daripada Ahli-ahli Bar Council itu juga yang lapuk, kerana separuh daripada mereka itu sudah duduk menjadi ahli bertahun-tahun tidak berasa malu hendak mengundurkan diri dan tidak mengambil indah perubahan-perubahan disekeliling negara kita. Apa yang saya katakan nampaknya masuk telinga kiri keluar telinga kanan.

Saya sudah mengambil keputusan iaitu pada separuh Ahli-ahli Bar Council mereka mengirakan memegang jawatan di Bar Council itu ialah sebagai satu status simbol. Ini tidaklah menjadi kesalahan, jika mereka itu sanggup menjalankan tanggungjawab mereka. Bukan semata-mata kerana meraikan Menteri-menteri kita, Hakim-hakim Besar dari luar negeri dan membuat ucapan-ucapan di majlis-majlis.

Pada satu ketika saya telah berkata kepada Bar Council, jika kita sendiri tak boleh menggubal Rang Undang-undang kita, saya telah diberitahu oleh Peguamcara Negara Tan Sri Mohamed Salleh yang dia sanggup menggubal Rang Undang-undang itu dan dihantarkan kepada Bar Council. Apabila saya berkata begitu, mereka itu berkata: Mana boleh, malu kita. Kitalah yang patut menggubal undang-undang kita sendiri. Cakapnya betul, memang patut, tetapi sudah 4 tahun belum lagi dikotakan. Saya berasa malu, kerana masyarakat kita memandang peguam-peguam itu tinggi sedikit.

Saya juga telah mendapat persetujuan daripada Bar Council itu supaya Ketua Bar Council itu memegang jawatan ketua tidak lebih daripada 2 tahun. Saya percaya sungguhpun mendapat sokongan dan diluluskan di Bar Council itu, tidak juga diterima oleh separuh pihak di dalam Bar Council itu. Ini juga menyebabkan terlambat dibawa Rang Undang-undang itu ke Parlimen. Jadi moleklah apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow itu di Dewan ini. Saya pun berfikir tidak adalah tempat lain di sinilah molek kita bukakan rahsia-rahsia kita—washing our dirty linen, jika dapat tujuan kita supaya diadakan satu

undang-undang yang baharu dan saya berharap Peguam Negara kita yang dianggap seperti juga di Negeri England sebagai Ketua Peguam-peguam menjolok-jolok sedikit pihak yang berkenaan di Bar Council itu supaya mereka berasa segan kepada Peguam Negara sebagai Ketua dan mempercepatkan menggubal Rang Undang-undang yang dikehendaki bukan sahaja oleh Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow dan juga saya sendiri bahkan peguam-peguam seluruh negara kita.

Satu daripada sebab-sebabnya yang saya percaya Bar Council itu ada sedikit lapuk perjalanannya ialah oleh kerana Mesyuarat Tahunan Bar Council itu diadakan di Kuala Lumpur sahaja. Jadi yang hazir di mesyuarat itu ialah peguam-peguam dari Kuala Lumpur sahaja. Kalau kita tengok daripada ahli-ahli yang dilantik terus ke Bar Council itu semuanya ialah ahli-ahli daripada Kuala Lumpur. Ini berkehendakkan perubahan yang saya harap juga Yang Berhormat Peguam Negara akan berunding dengan Bar Council supaya diubah dan juga banyak bab-bab lain di dalam Akta tahun 1947 itu.

Saya tidak bersetuju yang Akta ini sekarang seperti kain buruk ditampal di sana sini, menjadi satu perkara yang memalukan kepada kita sebagai peguam, bila kita fikirkan doktor-doktor, akitek-akitek, semuanya sudah ada Akta yang baharu yang sesuai mengikut keadaan sekarang.

Saya percaya apa yang saya cakapkan di sini tidak akan menyenangkan ramai ahli-ahli Bar Council, tetapi oleh kerana berfaedah kepada peguam-peguam sekelianya, saya tidak takut membawa perkara ini ke tengah di sini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Di sini, Tuan Yang di Pertua, ramai ahli-ahli peguam sungguhpun demikian bukanlah senang bagi Ahli Dewan Negara ini hendak meluluskan perkara yang semacam ini. Jika kita kaji dengan halusnya, Tuan Yang di Pertua, atas Akta ini tiap-tiap seseorang yang telah lulus, yang mempunyai ijazah peguam daripada Universiti Malaya ataupun Universiti Singapura dia mesti menjelaskan yurannya baharu diterima menjalankan praktisinya.

Dalam Persatuan Peguam ini, kita tidak boleh menafikan ada kelemahannya, no one is perfect in this world—sekiranya Persatuan Peguam ini oleh sesuatu sebab digantung oleh Kerajaan dan mereka yang telah lulus di dalam ijazah peguam ini hendak mengambil praktisnya tidak dapat. Ini mesti kita kaji dengan halus, Tuan Yang di Pertua.

Suatu perkara lagi banyak pula persatuan-persatuan seperti doktor-doktor, engineer dan akauntan dan lain-lain lagi yang akan membuat Akta semacam ini. Apa yang pelik pada saya di dalam Akta ini, Tuan Yang di Pertua, iaitu ada mengatakan bahawa mestilah disyaratkan seseorang yang telah lulus itu hendaklah citizen of Malaysia, tetapi lulus dari University of Malaya. Ini telah mengelirukan orang. Di mana itu Malaya? Jika seseorang itu telah lulus sebagai peguam, dia pergilah ke Australia, dia kata saya dapat ijazah daripada Universiti Malaya. Di mana Universiti Malaya, di mana Malaya? Dia kata, "saya datang dari Malaysia". Jadi saya berharap Kerajaan mengambil perhatian untuk mengubah nama Universiti Malaya itu kepada Universiti Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, pada mulanya saya tidak hendak bercakap oleh kerana Bil ini mengenai masalah peguam. Tetapi saya bimbang Dewan kita ini kalau diserahkan sahaja kepada peguam, mungkin tak selesai juga Rang Undang-undang ini kerana mereka itu terlalu banyak sangat cara-cara hendak framekan wordingnya. Di sini, Tuan Yang di Pertua, saya hendak mengemukakan satu benda iaitu yang pertamanya, saya rasa Kerajaan boleh dan eloklah membuat pindaan seperti ini, tetapi tidaklah sampai menyebut bahawa seseorang yang hendak menjalankan, hendak prektis undang-undang ini mestilah bayar yuran. Saya rasa tidak payah disebutkan di sini syarat-syarat itu, memadailah seseorang itu disokong oleh Bar Committee ataupun pihak yang berkenaan dengan Bar Council itu. Jadi di dalam menyokong itu dikenakan syarat, kalau bayar yuran, boleh disokong. Jadi seolah-olah Bar Council ataupun Bar Committee ini tak berdaya hendak mengutip yuran daripada ahli-ahlinya sendiri, terpaksa minta kedua Dewan kita ini tolong mengutipkan yuran itu. Saya rasa, ini terlalu tidak patut. Saya tidak tau adakah ini dibuat dengan permintaan daripada Bar

Council sendiri, ataupun sengaja pihak Kerajaan hendak menolong mereka. Kalau-lah sengaja Kerajaan hendak menolong, ertinya Kerajaan sudah keterlaluan sangat memanjakan mereka, dan kalau-lah Bar Council itu atau Bar Committee itu yang meminta, nyata-lah kelemahan mereka itu terdedah sangat.

Tuan Yang di Pertua, selain daripada itu, ada lagi satu masaalah iaitu masaalah tidak membenarkan orang-orang yang berijazah dalam undang-undang ini untuk berlatih bukan untuk menjadi peguam yang dipanggil ke dalam Bar itu dengan serta merta. Jadi tidak bolehlah seseorang itu, walaupun dia mempunyai ijazah dari Universiti Malaya atau Singapura, kecuali kalau dia sudah dianugerahkan ijazah itu sendiri, maknanya berlaku hari konvokesyen di universiti. Tuan Yang di Pertua, memang benar itu satu tradisi kita, tetapi menyampaikan ijazah itu yang sebenarnya satu formaliti sahaja, dan kalau saya tak silap, upacara untuk memberikan kotak kepada seseorang di dalam convocation day itu, sebenarnya ijazah itu sudah ada di rumah. Kotak itu diberikan kosong sahaja. Jadi ini menunjukkan bukan di dalam kotak itu ada ijazah, kotak kosong sahaja. Jadi kotak itu penuh bersusun pada hari itu untuk diberikan seorang satu, dan boleh bertukar dengan kotak siapa pun. Jadi ertinya kalau benda itu hendak diberi kepada si Ahmad, sekiranya si Dolah datang mengambilnya pun tak mengapa, sebab di dalamnya tak ada isi. Ini hanya satu formaliti yang baik pada satu segi, tetapi lebih tidak baik pada satu segi. Memadailah, Tuan Yang di Pertua, kalau kita dapat surat daripada universiti itu sendiri iaitu mengakui seseorang itu telah lulus dengan rasminya. Bolehlah peguam itu, ataupun peguam yang berlatih itu menjalankan kerja-kerjanya sebagai pelatih.

Tuan Yang di Pertua, apakah sijil itu sendiri menjadi dokumen menunjukkan kelayakan ataupun sama juga dengan geran tanah yang tidak boleh diakui hak seseorang melainkan ada geran. Jadi tentulah tidak sama, dan dengan yang demikian mengadakan syarat yang semacam ini tidaklah menasabah dan saya rasa patut kita ubah. Walaupun pada masa dahulu misalnya kita buat begitu, tetapi ini tidaklah menghalang kita daripada mengubah kepada cara yang lain. Kadang-kadang masa 6

buan itu, Tuan Yang di Pertua, bukanlah suatu masa yang sedikit; misalnya kalau ada seorang peguam muda yang lulus dan dia sanggup hendak menolong orang-orang miskin, tiba-tiba kes-kes yang dikemukakan kepadanya boleh merugikan masa hingga tiga empat bulan, sedangkan dalam tempoh itu tidak berlaku convocation day dan dia tidak boleh menolong orang itu. Jadi semata-mata oleh kerana dia belum mendapat sijil pada hari convocation itu, peluang untuk menolong rakyat sudah terlepas. Adapun berkenaan dengan membayar yuran kepada Bar Council, ini pada satu masalah juga. Kita pun tidak tahu berapakah banyak bayaran yang dikenakan kepada mereka itu. Tetapi memanglah patut mereka bayar kerana loyar semua are paid for talking, dan mereka bukan orang angkat barang untuk bekerja, for talking sahaja, lagi capak banyak, lagi dapat duit banyak. Kalau seorang loyar itu tidak boleh bercakap, dia tidak boleh jadi loyar, walaupun dia kurang pandai menulis, tetapi talking ini yang mustahak padanya.

Lagi satu, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan loyar-loyar kita ini, kalau saya silap tolong betulkan, iaitu degree kepada Universiti Malaya dan Universiti Singapura dan barangkali ada beberapa buah universiti lagi. Mengapa, Tuan Yang di Pertua, kita tidak luaskan kepada universiti-universiti yang lain lagi. Banyak universiti-universiti yang patut kita bawa pelajar-pelajar yang lulus itu. Misalnya, saya tahu di Italy, Perancis, setakat ini saya tidak nampak lagi loyar-loyar lulus dengan ijazah daripada Italy ataupun daripada Perancis, hanya yang ada ialah di negeri Inggeris dan negeri-negeri Komanwel, seolah-olah di negeri-negeri lain itu ilmu peguam itu tidak terpakai, orang itu hidup dengan loyar yang semacam itu.

Ini pun menjadi satu masalah juga, Tuan Yang di Pertua. Masalah kita hendak katakan perbezaan school of thought, school of jurisprudence, kerana orang ini berfahaman cara Perancis, orang ini cara Inggeris, orang ini cara Russia. Itu tidak menjadi masalah, Tuan Yang di Pertua, sebab itu kita mempunyai procedure kita sendiri. Barang siapa mengikut procedure itu dia tertakluk dan dia tidak mesti. Serupa juga dengan kita membawa motokar, kalau dia boleh bawa motokar walaupun steeringnya di kiri pergi di negeri yang kanan dia

kena bawa ke kanan. Jadi kebolehan dia competency dia membawa motokar masih berlaku. Jadi ini tidak berlaku, Tuan Yang di Pertua.

Yang satu lagi, yang akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya tidak tahu di mana agaknya yang hendak boleh kita masukkan dalam ini, Peguam Negara kita tentulah dapat memikirkan iaitu di dalam mahkamah-mahkamah syariah, terkadang-kadang loyar kita pergi ke sana dan setengah-setengah mahkamah itu tidak dibenarkan loyar masuk. Dan Alhamdulillah, loyar-loyar di mahkamah syariah itu bukan sahaja tidak dibenarkan masuk ke mahkamah adat, mereka itu sendiri pun tidak pernah mari langsung. Jadi kedua-dua ini loyar. Mahkamah dalam negara kita ini ada dua tiga kelas loyar iaitu loyar yang boleh masuk mahkamah ini dan loyar yang tidak boleh masuk ke mahkamah ini, tetapi kita boleh mengadakan pengiktisasan misalnya loyar itu, dia certificatnya boleh membela berkenaan dengan civil case, kita katakan civil law, yang ini berkenaan dengan perkahwinan, ini berkenaan dengan customary law, itu tidak dapat apa. Tetapi yang ini tidak boleh pergi ke sana yang sana tidak boleh pergi ke sini. Ini adalah satu masalah. Dengan sebab itulah kalau tidak silap saya kekurangan angka-angka bilangan loyar dalam negeri kita, sehingga di dalam Kementerian Pertahanan hingga semasa ini hanya seorang loyar yang berkhidmat dalam Kementerian Pertahanan iaitu sebuah Kementerian yang very complicating. Ini, Tuan Yang di Pertua, satu masalah yang amat rumit bagi negeri kita. Selain daripada itu

Tuan Yang di Pertua: Tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat kata yang akhir sekali!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, benar. Ini yang selain daripada itu had dalam yang akhir itu sedikit, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Ada sangkut-paut dengan Bil ini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Ada, sedikit lagi. Yang akhir-akhir ini, Tuan Yang di Pertua, iaitu saya hendak meminta Kerajaan kita menimbangkan lagi dalam masalah ilmu undang-undang ini, iaitu kita merayu kepada Kerajaan kita supaya mengadakan pengiktisasan dalam undang-undang kita

ini lebih banyak lagi, terutama bukan sahaja dalam perkara-perkara criminal, tetapi perkara-perkara civil dan perkara-perkara hak kemanusiaan terutama law of equity yang tidak pernah berjalan, kita nampak banyak dalam negeri kita dan ini kalau dapat kita perembangkan lagi. Saya rasa bukan sahaja benda-benda yang lapuk ini boleh dijadikan tidak lapuk, tetapi negara kita akan bertambah baik lagi.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di Pertua, saya bangun minta keterangan sahaja, Seksyen 3. Semua Ahli-ahli, Tuan Yang di Pertua, cukup faham, saya bukan peguam, saya adalah seorang peladang getah. Saya minta keterangan Seksyen 3. Saya bacakan:

“Provided that no certificate to practise shall be issued by the Registrar under this section unless the Advocate and Solicitor shall have produced to the Registrar certificates from the Bar Council and the Local Bar Committee concerned certifying that he has paid his subscriptions to the Bar Council and to the Local Bar Committee concerned and is not in arrears with any of his subscriptions.”

Saya minta keterangan, Tuan Yang di Pertua, provision ini ada “mandatory” semua peguam mesti menjadi ahli Bar Council dan ahli Local Bar Committee. Ada “mandatory” kah atau tidak, itu sahaja.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya cuba seberapa boleh menjawab pada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli.

Yang pertama, saya mulakan daripada yang akhir iaitu Yang Berhormat Datuk J. E. S. Crawford, bertanyakan Seksyen 3. Dia kata, kalau saya tidak salah bayaran itu, Bar Committee, di sini terang provisionnya berbunyi:

“3 (1) Provided that no certificate to practise shall be issued by the Registrar”—

Registrar ini, Registrar of the High Court yang berhak mengeluarkan certificate itu, sebelum dapat certificate itu, tidak boleh prektis, menlainkan:

“. . . Advocate and Solicitor shall have produced to the Registrar certificates from the Bar Council and the Local Bar Committee.”

Tiap-tiap ahli Bar yang qualified to practise mesti membayar dua yuran. Satu kepada Bar

Council yang meliputi West Malaysia, satu Bar Committee, misalnya Bar Committee di kawasan Johor ataupun Pulau Pinang; kedua-dua mesti jelaskan dan segala hutang-hutang, baharulah ditunjukkan kepada Registrar, Registrar akan mengeluarkan setahun sekali satu certificate yang mana dia boleh prektis dan mengamalkan. Ini caranya.

Ramai ahli-ahli Yang Berhormat bertanya berapa banyak yuran, kalau saya tidak silap cuma \$75 setahun, tetapi dengan sebab ada susah-payah hendak memungutnya, terpaksa di minta luluskan undang-undang ini—bukan Kerajaan yang buat. Saya sudah kata dalam keterangan saya pada mulanya Bar Council telah mesyuarat, majority ahlinya bersetuju dijadikan undang-undang supaya senang. Sebab sudah beberapa tahun diberi amaran masih ada sebahagian yang kecilnya degil lagi tidak mahu bayar yuran, sebab itu dijadikan undang-undang sekarang, kalau tidak bayar \$75 tidak boleh prektis pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bertanya berkenaan dengan Mahkamah Syariah. Saya suka menerangkan di sini bahawa di Mahkamah Syariah adalah dibuat di bawah Undang-undang Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat tidak berhak campur sedikit juga pun. Oleh itu adalah salah kita mengatakan dalam undang-undang ini loyar-loyar yang boleh prektis di bawah undang-undang ini, maka berhak dia boleh prektis atau mengamalkan di Mahkamah Syariah. Itu adalah bercanggah dan tidak lulus dari segi undang-undang, dan berlawanan dengan Perlembagaan. Sebab itulah tiap-tiap undang-undang Majlis Ugama Islam tiap-tiap negeri ada membuat peruntukan siapa-siapa boleh “appear” atau boleh prektis di hadapan Mahkamah Kadi ataupun Mahkamah Syariah. Kalau saya tidak salah, peguam-peguam, ataupun orang yang tidak lulus peguam yang difikirkan boleh diterima prektis di hadapannya, sekurang-kurangnya misalnya, disoal dahulu, diperiksa dahulu, tahu atau tidak hukum syariah. Kalau seorang yang bukan Islam, tidak tahu apa benda, dia loyar di sini, bagaimana hendak prektis hadapan Kadi? Fasal itulah undang mahkamah syariah berhak menentukan siapa boleh, siapa yang tidak boleh prektis di hadapan Mahkamah Kadi. Jadi tidak boleh kita adakan undang-undang itu. Itu penerangannya.

Berkenaan dengan kelulusan universiti tadi. Masa dahulu seorang yang lulus daripada salah satu daripada, Inns of Court, di England yang dibenar prektis di sini. Kalau lulus di mana sekalipun tidak boleh diterima prektis di Tanah Melayu. Sekarang, lepas itu, kita ada Universiti Singapura di mana Fakulti Undang-undang telah diadakan, lulus di situ, kita terima. Baharu-baharu ini kita adakan Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya.

Inilah tiga-tiga sekarang yang diterima oleh negeri ini. Sudah ditimbang dengan halus oleh sekalian Bar Council dan juga Kerajaan inilah 3 universiti yang boleh diterima, walaupun seseorang itu lulus daripada India atau Amerika atau Australia atau New Zealand dalam Commonwealth lain tidak juga boleh diterima. Yang saya tahu di Sabah dan Sarawak sahaja, kalau lulus dari Australia diterima di sana, tetapi tidak boleh dia prektis di sini kerana tidak biasa dengan Undang-undang kita. Banyak puncanya yang kita tidak boleh terima itu kerana sekurang-kurangnya kita hendak tahu ada reciprocity, kita jaga maruah universiti kita juga. Kalau Law Faculty kita boleh diterima oleh negeri lain, baharu kita boleh terima seseorang yang lulus undang-undang dalam negeri atau universiti-universiti negeri itu. Ini mungkin, tetapi kalau kita boleh terima orang yang lulus universiti daripada negeri lain, tetapi kelulusan L.L.B. Universiti Malaya tidak diterima apa faedahnya. Sebagai contohnya, saya ambil Singapura dengan Tanah Melayu atau Malaysia yang telah ada membuat perjanjian antara satu sama lain boleh menerima satu-satu kelulusan. Masa ini bolehlah kita terima kerana banyak sebab-sebab yang kalau seseorang itu hendak prektis dengan undang-undang kita, ini berdasarkan yang asal undang-undang Inggeris atau common law, dan hendaklah seseorang itu memahami betul-betul dalam undang-undang common law yang sama lebih kurang sama dengan undang-undang kita.

Saya juga menjelaskan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid berkenaan dengan Universiti Malaya, dia bertanya Universiti Malaysia. Mana kita ada Universiti Malaysia. Universiti kita yang ada sekarang itu Universiti Malaya, kalau diubah Universiti Malaysia tidak ada universitinya. Tidak boleh diubah. Negeri betul Malaysia, orang tahu Universiti Malaya itu ialah dalam Malaysia—tidak boleh diubah. Selagi universiti itu ada,

tidak boleh diubah pada Malaysia, maka Universiti Malaya mesti dipakai.

Kebanyakan teguran Ahli Yang Berhormat tadi, tidak faham berkenaan dengan perkara ini, melainkan Yang Berhormat Tuan Abdullah dengan Tuan Wong Seng Chow berkenaan dengan cara-cara kemasukan seseorang itu hendak prektis menjadi lawyer. Hendaklah seseorang itu lulus daripada universiti dengan ijazah L.L.B. sahaja misalnya di Singapura atau di Tanah Melayu ini dia tidak boleh lagi prektis sebagai lawyer melainkan dia telah lulus belajar atau prektis dalam sebuah chamber yang telah diakui sekurang-kurangnya 6 bulan, kemudian diperiksa pula oleh advocate, periksa mulut, sudah lulus itu baharu dia minta pergi di hadapan Hakim memohon dia itu diterima dan kalau siapa yang membangkang, bolehlah membangkang. Lepas itu baharu dia diterima dan prektis sebagai lawyer. Selepas itu dia kena membayar yuran, yuran persatuan iaitu Bar Council dan tempatan sebanyak \$75 dan selepas dia lulus, baharu pergi ke Registrar pula mengambil lesen kerana hendak prektis, bayar lagi sekali, baharu dia boleh prektis dan menerima client-clientnya, kalau mengambil dia sebagai lawyer. Jadi selagi belum ada certificate itu adalah satu kesalahan besar. Di sini saya terangkan cara-cara seseorang itu hendak menjadi lawyer.

Tuan Amaluddin Darus saya jawab dahulu. Yang Berhormat Tuan Amaluddin berkenaan dengan tegoran-tegoran tadi yang boleh di katakan benar kerana kelewatan dibayar bayaran balek wang-wang daripada peguam-peguam kepada client-client. Kita pandang di sini, kalau yuran \$75 yang membolehkan dia mencari nafkah begitu susah hendak dibayar, adakah duit orang lain yang dia simpan misalnya \$5,000 adakah lekas yang dia hendak membayar? Itu satu pandangan daripada saya. Sebenarnya ada dalam undang-undang Bar Council ini dan lain-lain lagi. Tiap-tiap duit seseorang client itu yang diamanahkan kepada seseorang peguam atau lawyer itu tidak sekali-kali boleh seseorang lawyer itu menggunakan walau satu minit pun wang itu, kalau tidak dia adalah melaku criminal breach of trust, dia boleh direpot kelakuannya itu—satu jalan tindakan di mahkamah akan dibicarakan dia, dan yang keduanya, seseorang yang kena kes yang semacam ini hendaklah merepotkan atau memberi kenyataan kepada Chairman Bar Council atau kepada Local Bar Council

misalnya di Johor pada Yang Berhormat Tuan Abdullah sebagai Ketua Bar di situ yang akan mengambil tindakan ke atas mereka itu membatalkan lesennya daripada prektis maka dia akan dibicarakan ke Mahkamah, Hakim Mahkamah akan memberi hukuman. Sesudah itu perkara ini tidak akan timbul sekiranya ada rakyat jelata yang dapat tahu wang itu telah dibayar daripada insurance dilambat-lambatkan oleh lawyer beberapa kali minta surat menghantar tidak dapat dibayar segera dan mengirim surat sebagai complainant kepada Hakim atau merepotkan kepada Polis atau kepada Chairman Bar Council, tindakan akan diambil kepada mereka itu ataupun kepada pihak Bantuan Guaman yang bukanlah hendak membela, tetapi akan membawa perkara itu kepada yang berkenaan.

Kadang-kadang saya, misalnya sebagai Peguam Negara selalu menerima surat-surat yang seperti itu.

Berkenaan dengan bayaran, katanya, kadang-kadang separuh bayaran ini telah habis dengan perbelanjaan lawyer, umpamanya kes langgar, misalnya tuntutan ganti rugi. Kalau tidak pergi ke Mahkamah maka perkara yang semacam ini akan diambil perhatian dan kita akan buat dalam undang-undang yang ada.

Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, saya menjawab am kepada kedua-dua Yang Berhormat iaitu Tuan Wong Seng Chow dan juga Yang Berhormat Tuan Abdullah bin Datuk Abdul Rahman teguran-teguran kedua-dua itu semuanya betul. Sebagai seorang Ketua kepada semua Bar di Malaysia, berasa malu juga sungguhpun saya bukan seorang lawyer. Saya telah mentelahkan beberapa kali pada Bar Council, jangan dibawa pindaan yang kecil-kecil ini, kerana merbahaya, kalau ini diketahui oleh Wakil-wakil Rakyat dan juga yang ada lawyer-lawyer dalam kedua-dua Parlimen ini akan membuka tembelang Bar Council. Tetapi kedua mereka itu tidak boleh tidak mesti bawa pindaan ini kerana satu daripadanya ialah berkenaan dengan penuntut-penuntut yang baharu lulus daripada Singapura sekarang yang sebok meminta ikhsan Bar Council supaya dia boleh dimasukkan prektis dalam Chamber. Jadi dengan sebab itu terpaksa dibawa pindaan ini dan sambil itu Bar Council mendesak saya meminta persetujuan Kerajaan membawakan

perkara kesulitan tidak dapat memungut yuran, pada hal saya telah kata berkali-kali, belum ada satu Persatuan yang membuat cara ini, tetapi kalau tidak malu saya bawa kan juga. Inilah akibat perkara ini telah timbul. Di Dewan Rakyat perkara ini tidak timbul, tetapi rasa saya, perkara ini telah keluar sekarang.

Empat tahun dahulu saya telah mengarahkan kepada Bar Council iaitu patutlah kita mengadakan undang-undang baharu bagi Advocate and Solicitors Ordinance, 1947 ini telah lapuk dan tidak boleh digunakan lagi boleh dikatakan banyak perkara-perkara yang patut dibela di dalamnya. Saya misalkan kepada satu sahaja. Bagi pihak Jabatan Undang-undang dan Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara, di Singapura telah dipinda. Kalau seseorang itu menjadi Pegawai Perundangan dan Kehakiman, di Singapura kalau sudah prektis duduk bekerja dengan Kerajaan, kalau tidak salah 3 atau 5 tahun maka dengan pengalaman dan kebolehan 5 tahun menjadi Majistret, menjadi Pendakwa Raya dan lain-lain dalam kedua-dua Jabatan ini boleh diterima terus menjadi lawyer diberi lesen tidak payah lagi dia kena membaca 6 bulan dalam Kamar atau Chamber, dia diperiksa pula oleh Lawyer-lawyer lagi. Di sini undang-undang kita ini tidak ada. Sekarang macam saya sekalipun, sebagai Peguam Negara, kalau saya hendak prektis menjadi lawyer, terpaksa saya masuk balek Chamber sebagai Yang Berhormat Tuan Abdullah 6 bulan belajar dengannya, kena pula diperiksa lagi, kadang-kadang pula boleh jadi tidak lulus periksa mulut sahaja, baharu pula minta memohon, pada hal saya Ketua sekalian Bar Council. Ini satu misalan.

Baharu-baharu ini Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz sendiri terpaksa memohon menjadi hakim, mengambil lesen menjadi lawyer. Begitulah satu misalan yang patut diubah, yang tidak sesuai sekarang. Banyak perkara-perkara yang lain yang patut diubah. Empat tahun telah dihantar perkara ini. Saya sudah berpuluh-puluh kali mengirinkan surat kepada Bar Council, minta dilekaskan. Sekiranya tidak boleh dibuat, Jabatan saya boleh buat. Bukanlah payah sangat, kalau dibandingkan dengan beberapa banyak undang-undang yang dibawa kemari. Lima belas hari sahaja—dua minggu boleh dibuatkan undang-undang ini, boleh digubalkan, tetapi telah empat tahun. Saya tidak percaya lawyer-lawyer ini, Persatuan ini

tidak boleh membuatnya. Yang kebanyakan bertengkar, bercakar di antara satu sama lain. Itu sebabnya.

Keduanya, perkara-perkara vested interest, boleh jadi. Perubahan-perubahan itu akan merugikan setengah-setengah daripadanya sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Ini perkara yang melambatkan-lambatkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan lepas ini, saya akan memberi amaran, sekiranya mereka tidak menghantar kepada saya gubahan undang-undang yang telah digubal, yang saya dapati telah siap, dalam akhir tahun, saya rasa, saya berhak akan membawakan perkara ini kepada Kerajaan minta Jabatan saya membuat satu undang-undang dan lepas itu baharu dihantar kepada Bar Council memberi tempuh dua bulan untuk menyemak. Selepas itu dibawakan kepada kedua-dua Dewan ini. Itu sahaja satu jalan, tidak ada jalan lain.

Kepada rakyat jelata, Bar Council mengubah satu undang-undang, maka undang-undang yang dikatakan dia prektis, masih sesudah empat tahun tidak dapat menjaga faedah dirinya. Saya tidak tahulah apa lagi yang patut hendak kita katakan. Malu saya mengatakan di sini.

Itulah, Tuan Yang di Pertua, yang dapat saya huraikan di sini, kerana saya tidak payahlah menjawab segala teguran-teguran kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu. Banyak lagi kalau kita hendak ceritakan, tidak habis pada sehari, dua berkenaan dengan apa yang telah berlaku. Demikianlah, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, jikalau ada komplot di dalam Bar Council, menahan seorang peguam masuk menjadi ahli, kepada siapakah peguam itu hendak membuat appeal. Kalau dia ditahan daripada menjadi ahli Bar Council atau Local Council dan

tidak boleh masuk dan tidak mendapat certificate menjadi ahli, kepada siapa dia hendak appeal?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ahli Yang Berhormat tidak faham, di sini mengikut seksyen 3 ini, saya telah berkata tadi, kalau seseorang itu ada kelulusan salah satu daripada tiga tadi, daripada Inns of Court atau pun daripada kedua-dua universiti dan dia telah diterima oleh hakim diregisterkan dia sebagai seorang peguam, maka dia sudah tentu menjadi seorang peguam, tidak ada seorang pun yang boleh menghalangnya daripada masuk, melainkan cuma bayaran yuran kepada kedua-dua ini dan berjumpa Registrar dan minta certificate. Tidak ada cara lain hendak menghalang dia. Dia tentu boleh prektis asalkan bayaran yuran \$75.00.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Saya dapati Peguam Negara tidak berapa faham dengan keterangan saya tadi. Ada disebutkan di sini:

“3. (1) shall have produced to the Registrar certificates from the Bar Council and the Local Bar Committee concerned certifying that he has paid his subscriptions”

Kalau dia tidak menjadi ahli, bagaimanakah dia boleh membayar yurannya? Jikalau orang tidak mahu menerima bayarannya, dia mahu menjadi ahli dalam Bar Council dan ada komplot bagitu, kepada siapakah dia hendak appeal? Itu yang saya hendak bertanya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Seseorang yang membayar yuran itu, yang hendak membayar yuran ini sudah sememangnya ahli Bar Council dalam Tanah Melayu ini. Kemudian bila dia hendak membayar yuran misalnya, orang tidak terima, dia boleh ambil tindakan mahkamah. Perkara ini tidak timbul.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dalam Fasal 3 ini saya mintalah kepada Kerajaan kalau boleh meminda sekarang ini, kalau tidak boleh dipinda pun, sebagai satu ingatan, iaitu mintalah

Tuan Pengerusi: Pindaan tidak boleh sekarang!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya hendak memberi ingatan, iaitu saya merayu kepada Kerajaan membawa pindaan lagi

sekali kepada mesyuarat akan datang, iaitu saya tidak mahulah disebutkan membayar yuran ini, biar kita katakan dia boleh menunjukkan satu certificate bahawa orang ini telah memenohi syarat-syarat di dalam peraturan Bar Council ataupun Local Council Committee. Di dalam itu dimasukkanlah satu syaratnya, mestilah membayar yuran. Jadi, tidak payahlah law negara kita ini menjadi sebahagian daripada Law Bar Council itu. Itu amatlah lemah dalam kita membuat undang-undang ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya tidak fikir ditimbangan pada masa akan datang, kerana cuma satu sahaja yang menghalang seseorang itu daripada hendak prektis ialah membayar yuran, tidak ada perkara lain. Itulah yang menyusahkan. Ini bukan melemahkan undang-undang. Undang-undang ini bagus, tinggal dia minta pinda undang-undang, tidak ada jalan lain, kerana jika seseorang itu hendak prektis, cuma membayar yuran. Tidak ada jalan lain. Hendak mendapatkan certificate daripada Registrar itu ialah dia mesti membayar yuran sahaja dahulu. Kalau hendak diubah, apa syarat lain—tidak ada.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau begitu, adakah di dalam peraturan by-law yang dipegang oleh Bar Council atau Local Bar Committee ada yang menyebut begitu, sebab saya tahu undang-undang itu maseh di dalam pindaan lagi, bagaimana dia telah meminta kita memasukkannya ini?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Undang-undang yang ada sekarang ini, yang belum dipinda, tiap-tiap seorang, tiap-tiap tahun kalau prektis hendaklah dapat certificate daripada Registrar, itu sahaja. Dahulu walau pun dia tidak membayar yuran, dia pergi berjumpa Registrar, bayar lesen \$50.00 dapatlah certificate, tetapi lima enam tahun pun dia tidak pernah membayar yuran association itu. Inilah yang disusahkan oleh Bar Council. Apa tindakan yang hendak diambil, hendak dibuangkan di mana. Tidak ada jalan lain melainkan ini sahaja menjadi undang-undang walaupun memalukan dia—kita tidak.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Seperti Persatuan Doktor, kita bukan kena paksa

masuk Persatuan Doktor-doktor dan undang-undang ini semua peguam dipaksa mesti menjadi member of Bar Council atau Local Bar Council, tetapi doktor-doktor kita tidak ada. Dia bayar kepada Kerajaan sahaja. Bahkan bayaran itu kecil, tetapi prektis boleh. Tetapi ini dengan paksa, mesti masuk. Adakah ini adil, Tuan Pengerusi? Saya hendak bertanya, jika dipaksa masuk?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, seorang doktor telah mengkritik Bar Council. Kita tidak paksa seorang itu menjadi ahli Bar. Kalau dia hendak prektik hendaklah dia menjadi ahli Bar. Bila menjadi ahli Bar, maka masuklah di bawah segala Undang-undang tatatertib sesuatu profesyen yang terhormat, yang dijagai oleh Bar Council yang boleh buang dia, tidak macam doktor, kadang-kadang, ditepi jalan banyak bawa lori, bawa motokar, prektis macam doktor, dia tidak payah lagi menjadi Ahli Persatuan Doktor itu doktor quack namanya.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG (PERBADANAN) THE SUPERIOR OF THE INSTITUTE OF THE CONGREGATION OF THE BROTHERS OF MERCY

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini ialah satu Rang Undang-undang persendirian (private Bill) bagi maksud memperbadankan satu institusi dari mazhab Roman Catholic, yang bertugas dalam menjalankan kerja-kerja sosial, kebajikan dan perubatan di Malaysia ini. Untok menjalankan dan mencapai tujuan-tujuan ini instituitu itu telah menubuhkan suatu institusi yang sekarang bernama Fatimah Hospital di Ipoh, Perak.

Rang Undang-undang persendirian seperti ini, memang biasa dianjorkan oleh Kerajaan dari semasa kesemasa untuk memperbadankan (incorporate) pertubuhan-pertubuhan keugamaan dan kedermawanan-kedermawanan. Pada kali ini rayuan-rayuan telah diterima oleh saya sendiri dari pihak Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers

of Mercy, yang beralamat No. 12, Tiger Lane, Ipoh meminta saya menganjorkan satu Rang Undang-undang persendirian bernama suatu Akta bagi memperbadankan Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy.

Seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang itu, peruntukan-peruntukan itu adalah cuma berkaitan dengan memperbadankan jawatan Superior of the Institute dan peruntukan yang lain-lain, yang mustahak bagi menjalankan dengan cara yang lebih baik urusan-urusan institusi itu mengenai kewangannya dan sebagainya dan juga apa-apa urusan institusi yang mungkin ditubuhkan oleh institute itu.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara merupakan satu Undang-undang bersendirian, merupakan satu bukti bahawa sanya di Malaysia kita dapat diamalkan dengan bebasnya semua badan-badan kebajikan walaupun dari badan-badan agama dan ini satu cunh yang menunjukkan bahawa tidak ada sebarang tekanan di dalam negara kita mengenai perkembangan agama-agama lain. Cuma satu perkara yang saya hendak menyampaikan kepada pehak Kerajaan bahawa saya harap pehak Kerajaan harus meneliti dan menentukan bahawa semua institusi yang dibuat seperti ini haruslah dikendalikan oleh warganegara Malaysia dan ditadbirkan oleh warganegara Malaysia bukan daripada warganegara asing yang didatangkan kemari itu atau yang dipinjam kemari, kerana urusan ini haruslah seboleh-bolehnya dikuasai sepenuhnya oleh rakyat Malaysia bagi kepentingan agama sebahagian rakyat Malaysia.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya menerima teguran itu, kerana teguran itu sangat membina dan sungguhpun tidak ada dalam Rang Undang-undang ini, kita akan berpahatikan dan sekiranya ada misalnya, seorang ahli yang bukan warganegara dan nampaknya akan merusakkan—kurang memberi faedah kepada negara kita, kita boleh singkirkan dengan cara jalan lain, misalnya

menahan work permitnya atau menghantar dia keluar daripada negeri ini dengan cara immigration.

Usul di-kemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa. Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperentahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, saya mohon untuk mengemukakan Rang Undang-undang iaitu Rang Undang-undang Perihal Dagangan, 1972, bagi dibacakan kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Ordinan Chap Barang Dagangan, 1950, mempunyai kelemahan-kelemahan iaitu ianya sukar untuk dilaksanakan dan tidak mudah difahami oleh orang-orang biasa. Tambahan pula istilah-istilah yang digunakan dalam Ordinan itu tidak di-huraikan dengan terang dan tepat. Akibatnya usaha-usaha untuk menangkap peniaga-peniaga yang curang yang mengamalkan amalan-amalan yang tidak adil dalam perniagaan mereka telah menjadi sukar dan memakan masa yang lama.

Dengan hasrat untuk melingondi pengguna-pengguna daripada peniaga-peniaga yang tidak bertimbang rasa seperti itu, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengadakan satu undang-undang yang akan memberi perlindungan bukan sahaja kepada pengguna-pengguna malahan juga kepada peniaga-peniaga yang jujur daripada amalan-amalan dagangan yang curang.

Dengan matlamat ini saya membentangkan Rang Undang-undang Perihal Dagangan, 1972, untuk pertimbangan Dewan ini. Rang Undang-undang ini membuat peruntukan untuk menyatu dan meminda undang-undang yang ada yang berhubung dengan cap barang dagangan, dan melarang salah perihal mengenai barang-barang yang dipamerkan untuk jualan dan juga melarang penunjukan-penunjukan yang palsu dan yang mengelirukan tentang harga barang-barang dan perihal barang-barang tersebut. Pendeknya undang-undang yang dicadangkan itu bertujuan untuk menggantikan undang-undang perdagangan yang ada dengan peruntukan-peruntukan baharu yang selaras dengan amalan-amalan perdagangan yang moden.

Tuan Yang di Pertua, tujuan saya bukanlah hendak menjemukan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan keterangan yang panjang lebar dan mendalam mengenai Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun sukaiah saya menyentuh tentang ciri-ciri utama Rang Undang-undang ini dan cuba menghuraikan sebab-sebab peruntukan-peruntukan tertentu telah dimasukkan dan mengapa beberapa perinsip-perinsip baharu telah diikuti.

Bahagian II yang melarang penggunaan perihal dagangan palsu mengandungi peruntukan-peruntukan utama Rang Undang-undang ini. Fasal 3 memperuntukkan bahawa seseorang yang menggunakan sesuatu perihal dagangan palsu bagi apa-apa barang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaannya adalah melakukan satu kesalahan. Fasal 4 hingga 7 memperluaskan bidang peruntukan Fasal 3. Walau bagaimanapun Fasal 3 (1) menunjukkan dengan jelas yang Rang Undang-undang yang dicadangkan ini terhad kepada urusanniaga dalam perniagaan atau perniagaan dan tidak melindungi urusanniaga-urusanniaga terpencil oleh orang-orang perseorangan. Perlindungannya tidak hanya dihadkan kepada pelekat-pelekat yang tidak tepat, malahan termasuk juga keterangan-keterangan palsu yang diberi sebagai jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan mengenai pelekat atau iklan atau kenyataan-kenyataan lisan.

Fasal 4 memperluaskan tafsiran perihal dagangan yang termaktub di dalam Seksyen 2 Ordinan Barang Dagangan, 1959, dengan mengadakan beberapa perubahan untuk meluaskan maklumat perihal dagangan, umpamanya dengan memperluaskan kaedah

pengeluaran untuk meliputi cara pekilangan, pengeluaran, memproses atau pemulihan keadaan dan kenyataan ujian oleh seseorang dan keputusan-keputusannya. Adalah dirasakan tafsiran yang luas ini akan meliputi seberapa luas bidang perihal dagangan yang boleh di dalam konteks hari ini. Umpamanya, di bawah Fasal 4 (1) (c) "Perkandongan" akan menegah barang-barang tiruan daripada diperihalkan sebagai "kapas", "sutera" atau "bulu", perabot sebagai "kayu jati" selain daripada kayu jati veneer, dan plastik sebagai "kulit".

Dengan perlindungan yang luas ini adalah perlu di masa yang sama untuk memasukkan langkah-langkah untuk melindungi peniaga-peniaga daripada dakwaan-dakwaan yang tidak diperlukan. Bagi tujuan ini adalah perlu untuk menyokong kandungan di bawah Fasal 5 bagi perihal dagangan yang didapati palsu atau memerlukan sekatan darjah yang matan. Keperluan ini akan menghapuskan kesalahan yang mungkin dilakukan umpamanya dalam mengisikan 99 batang mancis di dalam kotak yang dinyatakan mengandungi 100 batang, atau di dalam penjualan kain yang dikatakan mengandungi 60% terylene pada hal hanya mengandungi 50% terylene sahaja. Oleh itu dapat dilihat bahawa hasrat fasal ini adalah bertujuan untuk melindungi pedagang-pedagang daripada didakwa hanya di atas kesalahan-kesalahan yang terlalu kecil ataupun kesalahan-kesalahan teknikal.

Fasal 6 adalah peluasan Seksyen-seksyen 17 dan 18 Ordinan Cap Barang Dagangan, 1950, dan meliputi:

- (i) apa-apa juga yang dibekalkan bersamasama barang—misalnya, ini akan meliputi invoices;
- (ii) kenyataan lisan—satu peluasan yang penting dalam mana ianya memberi perlindungan yang lebih luas kepada sesuatu perihal dagangan; dan
- (iii) perihal dagangan yang diberikan oleh pembeli yang mana ditunjukkan oleh penjualnya sebagai bertepatan dengan barang-barangnya.

Matlamat asas yang mana Fasal 7 bertujuan untuk memberikan kesan ialah, apabila seorang membeli barang-barang yang nampaknya menepati dengan yang diiklankan dalam jangka masa yang menasabah selepas iklan itu disiarkan, ia berhak menganggapkan yang barang-barang itu menepati perihal dagangan di dalam iklan

tersebut. Iklan dalam hal ini boleh merupakan sebarang bentuk seperti di dalam suratkhbar, majallah, siaran radio atau talivisyen. Walau bagaimanapun Fasal 7 (3) menunjukkan perhubungan antara iklan-iklan dan sesuatu barang-barang tertentu. Umpamanya, sesuatu iklan suratkhbar mungkin ada berkenaan dengan sesuatu kelas barang-barang yang dibeli selepas atau setelah beberapa minggu iklan itu di keluarkan, tetapi mungkin tidak melibatkan barang-barang yang dibeli 6 bulan kemudiannya. Sebaleknya, iklan-iklan dari makalah perdagangan mungkin boleh digunakan dalam masa yang lebih lama.

Penggunaan-penggunaan dagangan seperti "Leathercraft" pada bag tangan plastik, "Italian shoes" pada kasut-kasut buatan tempatan boleh merupakan perihal dagangan palsu di bawah Fasal 9 dan boleh merupakan satu kesalahan di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini. Walau bagaimanapun pengecualian boleh dibuat kepada peruntukan ini dalam perkara-perkara di mana sesuatu cap dagangan boleh digunakan dengan sah kepada barang-barang sekiranya Rang Undang-undang ini tidak menjadi undang-undang atau di mana cap dagangan telah didaftarkan sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

Disamping mencegah amalan-amalan perdagangan tipuan menerusi perihal-perihal dagangan palsu, Kerajaan juga ingin mengawal harga barang-barang yang mengelirukan yang ditetapkan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertimbang rasa. Ini diperuntukkan di dalam Bahagian IV Rang Undang-undang ini. Hasrat Fasal 14 ialah untuk mengawal berbagai-bagai jenis penjualan yang digunakan oleh peniaga-peniaga untuk menarik orang-orang membeli barang-barang mereka manakala kenyataan-kenyataan demikian adalah mengelirukan ataupun palsu. Misalannya penjualan tersebut ialah "Sale dari segala-segala Sale", "Sale penutup", "Sale tahunan", yang berjalan terus-menerus tanpa berhenti. Pembeli-pembeli mungkin tertipu oleh cara-cara ini dan mempercayai bahawa mereka telah mendapat tawaran yang lebih baik daripada keadaan yang sebenarnya. Di bawah Fasal ini seseorang penjual akan melakukan kesalahan dan boleh didakwa jika ia:

(i) secara tidak benar menunjukkan yang barang-barang sama pernah dijual

dengan harga yang tinggi misalnya dengan kenyataan "\$2.50 kurang", yang mana adalah palsu;

- (ii) secara tidak benar menyatakan ianya sedang menjual barang-barang dengan harga yang lebih murah daripada harga yang di perakukan, misalnya ada beberapa pekilang-pekilang dan juga pemborong-pemborong mungkin "memperakukan" harga tertentu. Sesuatu iklan seperti "20% daripada harga daftar" boleh dianggap sebagai bandingan dengan harga yang diperakukan, dan kiranya tidak benar boleh merupakan satu kesalahan; atau
- (iii) mengelirukan pelanggan-pelanggan berkenaan dengan harga yang mana mereka akhirnya akan terpaksa membayar, misalnya penerbit-penerbit dan penjual-penjual buku manakala cuba menjual penerbitan-penerbitan keluaran mana ditentukan menggunakan harga jualan yang murah bagi jualan utama dan senyap atas kos yang tinggi bagi jilid-jilid berikutnya. Dalam keadaan ini seorang pembeli dipengaruhi dan percaya yang ianya membayar harga yang lebih murah daripada keadaan yang sebenarnya.

Bukanlah hasrat Kerajaan apabila merangka Rang Undang-undang ini untuk menjadikannya sebagai satu undang-undang yang berat sebelah bagi melindungi pengguna-pengguna sahaja. Kerajaan sedar yang ia juga mempunyai tanggungjawab untuk melindungi peniaga-peniaga yang benar dan jujur daripada rakan-rakan mereka yang kurang bertimbangrasa. Dengan pertimbangan ini maka Fasal 20 telah dimasukkan untuk membolehkan seseorang yang akhirnya bertanggungjawab atas berlaku sesuatu kesalahan itu didakwa. Fasal 24 menyatukan pembelaan di atas dakwaan dengan cara yang senang dan mudah. Ia memperuntukkan lima perkara yang boleh dibangkit di dalam pembelaan:

- (i) kekhilafan;
- (ii) bergantung kepada makluman yang diberi kepada orang yang dituduh;
- (iii) perbuatan atau keingkaran seseorang yang lain;
- (iv) sesuatu perbuatan yang tidak sengaja; dan
- (v) sesuatu sebab lain di luar kawalan orang yang dituduh.

Bagaimanapun, beban untuk membuktikan mana-mana perkara yang di atas terletak kepada yang didakwa dan ia mesti membuktikan bahawa ia telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu dan terdaya untuk mengelakkan berlakunya kesalahan-kesalahan itu.

Tuan Yang di Pertua, harus diperhatikan bahawa Rang Undang-undang ini dibentang dengan tujuan melicinkan segala undang-undang mengenai cap barang-barang dagangan yang ada dan juga untuk memberi perlindungan yang lebih kepada kepentingan pengguna-pengguna daripada amalan perdagangan yang tidak adil tanpa mengorbankan kepentingan peniaga-peniaga yang jujur.

Selanjutnya dengan keterangan yang telah saya beri di atas, saya mohon untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibacakan bagi kali kedua.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini dan dengan penuh hati dan girang, walaupun saya seorang peniaga dan menjadi Yang di Pertua, Gabungan Dewan Perniagaan, saya beri amaran kepada golongan peniaga, janganlah khuatir dengan Rang Undang-undang Perihal Dagangan ini. Mereka yang jujur, tidak ada sebab apa-apa untuk khuatir. Pedagang-pedagang yang memberi tafsiran palsu, tipuan dan melakukan segala dayaupaya untuk menjual barang-barang yang tak baik, dengan memberi tafsiran sebagai baik bagi barang-barang yang berharga murah, tetapi diberi tafsiran sebagai barang-barang yang baik dan mahal, tentulah mereka itu mesti diawasi sesudahnya Rang Undang-undang Perihal Dagangan ini dikuatkuasakan.

Saya bersetuju dengan segala huraian-huraian dan sebab-sebab yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Memang semua itu benar. Segala peniaga dan orang persendirian menjadi orang yang menggunakan barang. Jadi kesulitan ini dideritai bukan sahaja yang menjual, tetapi oleh orang yang membeli siapa yang menjual barang di kedai itu, kemudian dia keluar di kedai pergi beli barang di tempat lain. Jadi undang-undang ini memang satu undang-undang yang mustahak dan mesti diterima oleh segala golongan sebagai satu welfare kepada mereka.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan ditempuhkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perihal Perdagangan, 1972 ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita. Kita telah dapat tahu bahawa tujuan besar Rang Undang-undang ini untuk diberi kuasa lebih kuat kepada Kerajaan menggantikan Undang-undang yang ada sekarang dengan peruntukan-peruntukan baharu selaras dengan amalan perdagangan moden supaya mencukupi untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna atau untuk membolehkan keberibadiah perdagangan yang dijalankan secara saksama. Tindakan seperti ini akan dijalankan oleh Kerajaan ialah amat baik dan patutlah dipuji dengan sebulat suara dari Dewan ini.

Tuan Yang di Pertua, saya suka membayangkan fikiran-fikiran dari orang ramai istimewanya dari saudagar-saudagar mengenai Rang Undang-undang di Dewan ini. Ini adalah tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara untuk membawa pandangan-pandangan rakyat sampaikan kepada Kerajaan supaya membolehkan Kerajaan menimbang rasa kesulitan-kesulitan rakyat dan dapat diselesaikan dari masa kesemasa.

Tuan Yang di Pertua, sebenarnya amalan perdagangan moden sedunia ini adalah dijalankan dengan secara saksama. Barang-barang jualan murah atau cheap sales itu ialah secara perihal dagangan yang adil kerana pembekal menjual barang-barang dan pembeli membeli barang-barang dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Diantara mereka yang tidak mahu palsu ditimbulkan. Kalau dikatakan barang-barang jualan murah atau cheap sales itu secara perihal perdagangan palsu, ini, memang tidak betul.

Tuan Yang di Pertua, mengenai perihal perdagangan yang digunakan dalam iklan-iklan itu ialah secara kebiasaan perdagangan

didunia kita ini, saya rasa kalau dihadkan maklumatnya termasuk di dalam iklan-iklan itu adalah mengganggu kebebasan perdagangan. Maklumat barang-barang yang termasuk dalam iklan-iklan itu percaya atau tidak terpulanglah kepada orang ramai. Kita tidak boleh dikatakan iklan-iklan seperti ini ialah perihal yang palsu atau yang mengelirukan kepada maklumat yang termasuk dalam iklan-iklan itu.

Tuan Yang di Pertua, saya suka memberi tahu kepada Dewan ini bahawa satu contohnya begini: Kalau satu barang atau benda pembekal beli masuk dari fekteri-fekteri atau tempat-tempat lain dengan modal \$3 dan menjualkan kepada pembeli dengan harga \$4 jadi dapatlah keuntungan \$1.00. Kemudian barang-barang atau benda-benda itu yang maseh belum dijual sampai habis telah menjadi barang-barang lama atau tidak moden lagi dan barang-barang yang baharu telahpun di keluarkan oleh fekteri-fekteri, terpaksa pembekal itu membeli lagi barang-barang baharu itu. Masalah timbul-lah sekarang iaitu modal-modal tidak cukup untuk membeli barang-barang baharu dijual kerana barang-barang lama itu yang tersimpan itu maseh belum dijual sampai habis, terpaksa ia akan memanggil jualan murah atau cheap sales dengan harga \$3.50 atau \$2.80 dengan kerugian sedikit pun tidak apa, kerana dapat modal balik untuk membeli barang-barang baharu itu, barulah dapat perniagaan mereka berjalan dengan licin dan seterusnya.

Tuan Yang di Pertua, kita pernah dengarlah secara perihal dagangan palsu cuma secara perniagaan bebas. Kalau kata telah melakukan Ordinan Cap Barang Dagangan, saya rasa tidak betul.

Tuan Yang di Pertua, kita pernah dengar orang-orang kerana bermain judi menjadi pencuri, melanggar undang-undang, bermain judi gadoh-bergadoh, kerana bermain judi tumbuk-menumbuk, rumpak-merumpak atau membunuh diri dan sebagainya sesuatu kekacauan ditimbulkan kerana bermain judi. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, kita tidak pernah mendengar orang ramai, kerana barang-barang iklan, atau barang-barang jual murah menjadikan kekacauan sosial.

Tuan Yang di Pertua, menurut kepada Rang Undang-undang Fasal 28 mengenai kuasa bagi memasuki premis dan memeriksa

dan mengambil barang-barang dan surat-suratan. Fasal 28 (1) menyatakan:

“28. (1) Seseorang Penulung Pengawal boleh, pada bila-bila masa yang menasabah, menjalankan kuasa-kuasa berikut, iaitu: (a) ia boleh, bagi maksud menentukan samada suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan”

Tuan Yang di Pertua, diberikan kuasa seperti ini kepada Pengawal ini adalah merbahaya. Pentadbir-pentadbir penjaga-penjaga persendirian dan kebebasan perniagaan akan dilanggarkan oleh Kerajaan. Ini akan menamatkan saudagar-saudagar diseluruh negeri kita dan kita tidak boleh janji tentang hal-hal rasuah atau corruption akan timbul dalam memeriksa premis-premis itu.

Tuan Yang di Pertua, Ordinan-ordinan yang dibuat oleh Kerajaan adalah baik untuk menjaga faedah-faedah rakyat, akan tetapi kadang-kadang pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas yang berkenaan itu adalah berjalan dengan tidak betul. Inilah masalah timbul dari rakyat dan benci kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di Pertua, dengan ini, saya haraplah bila melaksanakan Ordinan-ordinan yang diluluskan oleh Dewan ini pegawai-pegawai Kerajaan mestilah berjalan dengan betul-betul dan adil kepada semua rakyat supaya Kerajaan Perikatan dinamai sebagai Kerajaan yang baik dan adil. Inilah tanggungjawab-tanggungjawab yang mustahak pegawai-pegawai Kerajaan kepada Kerajaan Perikatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, yang mana kita percaya Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada rakyat seluruh Malaysia, tidak kira apa jenis dan apa bangsa dan apa mata pencarian bahkan kepada manusia ataupun rakyat yang ikhlas dan jujur, dia tetap mengakui yang undang-undang ini amatlah baik kepada kita bersama. Terutama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah menjelaskan dengan panjang lebar selain daripada beliau membentangkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, kita tidak menafikan di dalam banyak mata pencarian, petani, perusahaan, perniagaan—perniagaanlah satu mata pencarian yang cukup lumayan, yang

dapat untung yang cukup banyak. Sebab itulah kerap kali orang memilih perniagaan menjadikan mata pencarian mereka dan kita tahu dalam mencari perniagaan akan mendapat keuntungan dan kadang-kadang juga mendapat kerugian. Di samping itu juga Kerajaan hanya menggalakkan terutama sekali kaum bumiputra untuk berusaha bagi melipatgandakan dalam hal perdagangan ataupun perniagaan, kerana seperti saya kata tadi, kerana inilah mendapat keuntungan yang banyak, tetapi walau bagaimanapun kita tidak menafikan, Tuan Yang di Pertua, dalam rakyat Malaysia hari ini, yang kita yakin dan kita tahu bumiputrahlah yang tersedikit sekali dalam bidang perniagaan dan kurang maju. Ini kita kata tepat. Di samping itu Kerajaan hendak menolong memajukan bumiputra ada juga halangan sedikit-sebanyak daripada kaum-kaum yang bijak pandai menjalankan perniagaan dengan cara yang tidak betul, maka dengan sebab itulah undang-undang ini telah digubahkan.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat yang baharu sebentar tadi bercakap, saya juga turut menyokong. Rang undang-undang Kerajaan memang baik, Rang Undang-undang LPN baik, menangkap yang menyeludup itu dan ini. Kita tidak menafikan. Kerajaan buat undang-undang memang baik, tetapi siapa Kerajaan. Kita buat undang-undang di Dewan Negara dan Dewan Rakyat, diserahkan kepada suatu negeri, buat, keluarkan undang-undang. Yang menjalankan undang-undang itu pegawai, seperti mana kata Ahli Yang Berhormat tadi, daripada atas sampai ke bawah.

Katakanlah Yang Berhormat Tuan Khir, sebagai Menteri Perdagangan, niat dia baik, tetapi malangnya bukan Tuan Khir buat seorang kerana Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dalam Jabatan Perdagangan bukan seorang pegawai Kerajaan, pegawai yang menjalankan tugas. Saya agak lebih daripada ratusan, maka dengan sebab itu Yang Berhormat Tuan Khir, Menteri Perdagangan dan Perindustrian sebagai manusia dia tidak kelip, melainkan apa yang ada di depan mata, tidak dengan apa yang disuarakan oleh telinga. Ini seperti apa yang saya katakan tadi, seperti yang saya katakan kelmarin, sebagai sifat manusia, dia tidak boleh melainkan setakat yang dia tahu, setakat yang dia dengar. Yang tahu benar, tahu makrifat, itu Tuhan, manusia tidak berupaya. Saya tidak salahkan Menteri, baik

Tuan Khir ataupun LPN, saya misalkan LPN, hendak menangkap siapa, misalnya dalam bahagian perdagangan. Siapa yang membawa beras ditangkap. Saya tidak sentuh Tan Sri Syed Nasir, tetapi saya tahu, sebagai manusia, saya katakan tadi, saya tidak salahkan pihak yang berkenaan. Seperti LPN, dia hendak menaikkan harga padi, ditangkap orang yang menyeludup. Kadang-kadang orang yang tidak menyeludup kena ditangkap, orang yang menyeludup tidak kena. Sebab perkara ini kadang-kadang manusia, besok orang bawa beras selori dia lepaskan, ada orang sedar. Biasanya orang bawa se-gantang, secupak hendak makan, kena ditangkap, besan saya sendiri, Tuan Yang di Pertua. Ada saya dengar berita yang selori dilepaskan. Saya berdoa mintalah saya juga kadang-kadang membeli secupak, kalau saya ditangkap, saya tidak marah, ambillah, saya hendak mengucapkan tahniah di sini, sebab dia begitu, tetapi dia pun tengok orang. Jangan-jangan bila saya balik ditangkapnya, wallahualhamdulillah—itu kuasa dia.

Begitu juga dalam hal perdagangan, kita telah bubuh harga, bukan setakat ini, sudah lama kita bubuh harga. Kecuali ada tidak adapun setengah satu daripada dua yang kita tidak bubuh harga tepat. Seperti kata orang Kuala Lumpur harga beras di sini terlampau mahal. Kalau hendak dibandingkan dengan harga padi cukup jauh. Yang untungnya, saya kata kelmarin ialah ahli perniagaan, pengilang dan peniaga, bukan pengilang sahaja, pengilang dan peniaga, maka beras terlampau mahal. Macam beras Appolo dan sebagainya, terlampau mahal, sedangkan Kerajaan bubuh harga. Ini saya kata pegawai-pegawai itu manusia. Dia kadang-kala tidak pergi, kadang-kadang hendak dikatakan lebih tidak eloklah, barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang ditentukan, susah hendak menjaga manusia, sebab orang biasa kata hendak menjaga manusia seorang, apatah lagi orang perempuan, baik jaga lembu sekawan, mudah. Kita juga manusia ini susah, tambahan yang cerdit, lagi susah. Tidak tengok kata Peguam Negara tadi, kita berasa malu. Peguam Negara kata tadi, siapa buat kesalahan—peguam. Peguam kena denda. Ini yang buat undang-undang, yang tahu undang-undang, dia buat. Jawapannya manusia lagi pandai, dia lagi baik. Yang lagi pandai itu, lagi rosak. Kalau tidak kena ataupun dia buat, minta maaf, saya bukan hendak tuduh peguam, tetapi Peguam Negara membuat kenyataan tadi.

Begitu juga pegawai-pegawai. Saya tidak menuduh Menteri yang berkenaan—pegawai-pegawai. Bukan semua, setengah daripada pegawai-pegawai. Mereka tidak ambil langkah, tidak ambil apa-apa, takkan Tuan Khir, Menteri Perdagangan, semua hendak tahu. Seperti di Perlis, dia hendak pergi empat bulan sekali. Itulah yang paling kerap. Inilah saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan tolonglah ambil tahu apa yang saya katakan tadi.

Yang kedua, Tuan Yang di Pertua, berniaga ini ada musim. Macam musim kita mesyuarat juga, ada bulan, ada hari, ada jam. Berniaga pun begitu juga. Ada masa laku, ada masa tidak laku. Mengikut pendapat saya, yang saya tahu sebagai seorang pembeli dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat pun percaya dan kita tengok dalam *Utusan Melayu* baharu-baharu ini berkenaan dengan kenyataan membeli-belah. Hari yang paling laku sekali, masa yang paling laku dalam membeli-belah ialah masa dekat dengan bulan puasa, bulan sepuluh. Bulan sepuluh bulan yang paling laris sekali, laris segala-galanya. Laris makanan untuk buat kueh dekat Hari Raya, laris barang-barang makanan kerana orang Melayu ini, terutama sekali orang Islam, walaupun di dalam hal ugama ini, saya tidak bercakap fasal bab ugama, ustaz kita ada di sini. Dilarang pada bulan puasa, patut makan sedikit, tetapi maklum orang lapar, dia teringin hendak makan-makan, bermacam-macam, seribu satu macam. Sebab itu dalam bulan puasa cukup laris, apatah lagi yang dekat dengan Hari Raya.

Begitu juga barang-barang macam baju-baju, perabut-perabut dan sebagainya, dekat dengan Hari Raya cukup laku. Kalau hendak dibandingkan lima bulan berniaga dengan bulan puasa, saya rasa tidak sama, dengan sebulan dekat dengan bulan puasa. Jadi, jikalau boleh Kementerian yang berkenaan bulan inilah tolonglah attack sedikit kerana bulan itu bulan yang cukup laku dan yang ketiga dalam soal laku ini juga, soal jual beli sebagaimana yang saya katakan tadi, dalam menetapkan harga barang macam Pulau Pinang. Saya biasa pergi ke Pulau Pinang, bukan saya seorang. Saya perhatikan, kerap kali di masa yang lepas ini barangkali dibubuh wallahualam, tetapi kita bersyukur kepada Tuhan dengan kerana kalau perkara itu dijadikan dengan cara palsu, Kementerian yang berkenaan hendak mengambil tindakan. Kadang-kadang kedai yang kecil

ditaruh harga yang tetap, kedai besar dibubuh harga yang tetap. Tetapi dengan kata Menteri yang berkenaan tadi kata hendak bubuh, itu baik sangatlah.

Saya yang bimbang pada masa yang lepas, boleh jadi palsu, saya kata tadi. Kalau pegawai yang tidak pergi, undang-undang haruslah tinggal undang-undang, kerap kali orang yang tidak tahu harga kerana barangnya ada dua. Ada jenis barang yang jenisnya baik, tetapi cahayanya tidak berkilau, tidak baik, sebab itu orang-orang kadang-kadang ditipu cahaya barang itu walaupun barang itu harganya tidak baik, iaitu benda itu tidak baik, tetapi dengan barang baik, dengan cahaya yang baik, tatkala itulah dia menaikkan harga. Seperti Pulau Pinang, kerap kali biasa orang kata hendak beli kain batak yang harga \$8, kena kita tawar \$4. Kadang-kadang biasa kita bergaduh dengan sipenjual. Dia marahkan kita sebab kita tidak mahu ambil. Walhal dia kata \$8, kita tawar \$4. Akhirnya \$4 pun dia beri. Benda ini berlaku kepada orang kampung. Orang-orang pergi berkelah sekali-sekala.

Di Thailand lain pula caranya, Tuan Yang di Pertua. Negeri saya dekat dengan Thailand, dan Menteri yang berkenaan pun dekat dengan Padang Besar, kalau hendak beli barang-barang di sebelah Padang Besar, tidak banyak tawar-menawar, kalau dia kata benda itu \$1 paling kurang 95 sen ianya tak boleh ditawarkan. Tetapi di Pulau Pinang, negeri kita Malaysia, kalau kurang pandai membeli benda yang \$4 dikatakan \$6. Kalau pandai beli, kita akan dapat dengan harga \$4.50. Begitulah dengan harga yang tetap. Ini saya mengucapkan terima kasih. Tetapi seperti yang saya katakan tadi, kalaulah Yang Berhormat Menteri tidak awasi betul-betul, Undang-undang ini tetap tinggal dengan Undang-undang yang berjalan lama, ikut jalan lama juga.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan kita, seperti yang saya katakan tadi hendak memajukan perniagaan orang Melayu dengan sebab itulah Undang-undang ini diadakan, dijaga itu dan ini. Hari ini Kerajaan buat syer antara Melayu dengan Cina itu dan ini. Dan kadang-kadang orang Melayu kita minta permit, dia hendak buat kerja sendiri tak boleh, maka dia buat "Ali Baba". Kerajaan marah, kita pun marah hamba Allah itu, membuat pekerjaan Ali Baba. Ada di antara kawan-kawan saya yang bekerja di Perlis bekerja sebagai Ali Baba, dan ada juga yang

tidak Ali Baba. Saya kata dengan dia, kenapa tuan tidak syer untuk membuat lori, mengapa tuan tidak syer dengan orang lain Sino-Malay misalnya yang sekarang ini dasar kita hendak membela semua bangsa; saya berani berkata begitu. Kata seorang kawan saya, mengapa saya hendak syer dengan dia? Kalau ada untung empat kali pun, dia tunjukkan kira-kira yang tak ada untung. Kalau begitu lebih baik dia ambil \$220 sebulan dengan senang cara begini, dia dapat tahu. Saya serba salah. Saya juga berpakat dengan orang bukan Melayu. Saya cuba cek, dia kata tuan tidak ada syer. Kalau hendak beri peluang hanya setakat mana yang tuan patut ambil, dia patut bagi, kalau empat kali ganda dia untung pun, dia tunjukkan kira-kira yang bukan-bukan. Kalau boleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian buatkan syer Sino-Malay, buatlah satu buku kira-kira yang boleh dibuat lengkap, janganlah buat seperti hari ini, haruslah "Ali Baba" itu ada juga. Setakat itulah pendapat saya, terima kasih.

Datuk Nik Hassan bin Haji Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Bil ini dan dalam memberi sokongan itu, saya suka hendak memberi pandangan sedikit sebagai seorang daripada Ahli Dewan ini dan juga seorang daripada Ahli dalam Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Mengikut Rang Undang-undang ini, pada pendapat saya akan menyentuh sebahagian besarnya kepada ahli-ahli perniagaan yang menjalankan perniagaan di kedai yang menjual barang-barang. Padahalnya orang yang menjual barang ini dikehendaki menjual barang yang dia beli daripada pengusaha. Ada kalanya pengusaha itu menyatakan barang ini kita katalah kain umpamanya 30% atau 40% terrylene dan bagi pihak kita yang menjual kita katakan 40% terrylene, manakala kandungan kain itu tidak sampai 40% terrylene, jadi kita sanggup barang kita kena rampas umpamanya. Saya rasa tidaklah sepatutnya ahli perniagaan mendapat kesudahan daripada barang yang dijualnya. Dalam masaalah perniagaan ini, ada tiga gulungan:

- Satu yang mengeluarkan barang;
- Yang kedua, yang menjual barang; dan
- Yang ketiga, gulungan yang membeli.

Kalau sekiranya Undang-undang ini terlampau berat sangat memberi layanan kepada pembeli, maka ahli perniagaan terasa yang

dia terlampau sangat ditekan oleh Undang-undang ini. Saya rasa, dalam melaksanakan Undang-undang ini hendaklah Kerajaan mengambil perhatian yang cermat kepada nasib ahli-ahli perniagaan. Sebab, kalau sekiranya langkah yang ketat hendak diambil, langkah-langkah yang berkesan hendak diambil dan Undang-undang ini berjalan dengan kuasa yang betul-betul, saya rasa, ahli-ahli perniagaan yang berniaga di kedai-kedai itulah yang terasa sangat berat. Dan saya pernah melihat bagaimana waktu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menjalankan tindakan di atas harga barang-barang, umpamanya barang-barang yang diperlukan itu mestilah diletakkan harga. Ada kedai yang meletakkan harga, tetapi lebih harga itu jatuh, sebab dia tidak boleh hendak jaga lebel itu mesti ada selalu di situ. Kadang-kalanya lebel itu jatuh dengan tidak disedari, ataupun pekerja di kedai itu tidak mengindahkan taukehnya. Taukehnya selalu keluar pergi ke sana, pergi ke sini mencari peluang-peluang perniagaan, tinggalkan kepada pengurus kedai yang cuai dalam menjalankan tugasnya. Kadang-kadang tidak ditaruhkan lebihnya, ataupun lebel yang jatuh itu tidak dipasangkan balek, maka datanglah pihak perunda daripada pihak Kementerian, atau pun bagi pihak yang menguatkuasakan, terpaksa diambil tindakan, dirampas barang dan buat hukuman dan sebagainya. Ahli peniaga ini dia terasa sangat ditekan dengan Undang-undang yang begitu keras, pada hal dia berasa dia tidak bersalah, sungguhpun ada kesalahannya, kerana kecuaiannya yang menjalankan perniagaan di kedai itu. Jadi inilah saya rasa, perkara-perkara yang patut diambil perhatian daripada pihak Kementerian umpamanya, kalau sekiranya pekedai itu ataupun taukeh kedai itu tidak bersalah maka dipandanginya tidak bersalah, tidak patutlah tindakan yang keras itu diambil sertamerta umpamanya, patut diberi ingatan, diberi amaran, diberitahu lebih dahulu, dinasihat umpamanya supaya tidak akan berlaku lagi.

Undang-undang ini, saya rasa Undang-undang yang cukup lengkap meliputi semua jenis barang dan meliputi segala masalah yang mengenai dengan perniagaan, sehingga sebagaimana kata Menteri, kalau kita taruh di situ pun menyatakan jualan murah bagi masa satu bulan umpamanya, harga \$250 dipotong sudah menjadi \$150. Pegawai yang memeriksa itu boleh memeriksa betulkah

potongan itu, kalau tidak betul, itu sudah jadi cara palsu, ini pun satu masaalah yang rumit. Umpamanya saya berniaga, jual satu jenis barang dengan harga \$250 kalau kedai lain dia jual dengan harga \$350 barangnya sama. Ada harga di kedai lain menjual 50 sen berbeza dengan harga di kedai saya. Apabila saya hendak turunkan harga, maka saya turunkan harganya 50 sen dan ini sudah jadi murah 50 sen, atau murah 20 sen berbeza daripada harga yang asal. Tetapi bila pergi periksa di kedai, beza jualan peratus keuntungan yang diambil itu terhenti daripada mana barang itu dijual. Kalau di kedai Globe Silk Store umpamanya tempat orang biasa membeli, dia ada beratus-beratus macam barang, dalam beratus-ratus itu kalau 10-20 barang dia tipu pun tidak ada siapa yang tahu, kalau dia taruh harga di situ sudah potong seringgit, tiada siapa yang tahu. Tetapi kalau sebuah kedai yang berniaga barang yang tidak begitu banyak langganannya, tidak begitu sibuk, cepat sangat kita nampak. Jualan murah putungan \$250 sudah jadi \$200 umpamanya. Biasanya \$250 yang kita jual itu keuntungan umpamanya 70 sen kita putung 50 sen, ada lagi untung 20 sen. Jadi kalau diturunkan kedai lain, kalau pemeriksa ini pergi tengok—macam mana dia kata turun, pada halnya harga maseh mahal juga. Sebenarnya memang, kalau orang jual murah, mestilah ada lagi untung, bukan jual murah sampai rugi. Kalau jual murah sampai rugi, tidak siapa pun hendak menjual murah dan tidak siapa yang hendak berniaga rugi, melainkan Nabi sahaja yang berniaga rugi. Ini jenis cara jualan barang dalam perniagaan. Kalau sekiranya pemeriksa ini hendak memeriksa dengan berasaskan kepada harga barang pada kedai, saya ingat rumit sedikit kita hendak tangkap orang yang menyatakan harga palsu sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-undang ini. Ini satu Undang-undang yang cukup rumit dalam perlaksanaannya, cukup susah hendak menjalankan betul-betul, hendak menjalankan umpamanya 80% secara hendak menjalankan Undang-undang, saya rasa adalah susah sedikit. Dan kalau berjalan pun, saya rasa, kalau hendak tekan terus, orang bernialah yang susah. Kadang-kadang orang berniaga buku umpamanya dia masukkan ke dalam sampul buku itu, dia kata buku itu dibaca untuk orang dewasa sahaja. Padahal dalamnya tidak ada benda pun. Dimasukkan dalam plastik ditutup (disealkan)—ini buku untuk orang dewasa sahaja. Itu sudah palsu. Saya

ingat ini termasuk di dalam Rang Undang-undang ini. Kalau di dalam buku itu tidak ada gambar yang tidak patut dibaca oleh budak-budak yang dibawah umur, apabila dijual di situ, sipenjual ini tidak tahu. Dia pun tidak buka fasal ditutup buku. Kalau pemeriksa buku-buku itu, bohong. Sebenarnya tidak ada benda yang menyalahi daripada kehendak itu. Jadi bermakna sipekedai itu yang kena tangkap. Saya rasa, itu pun satu masaalah yang rumit juga untuk hendak melaksanakan undang-undang ini. Tetapi saya percaya, kalau sekiranya dapat Kementerian ini memberi kursus. Kalau kita adakan pegawai tinggi untuk hendak menjalankan undang-undang ini saya hendak minta supaya pegawai-pegawai itu diberi kursus, diberi ajaran cara hendak melaksanakan undang-undang ini. Diberi satu panduan yang betul-betul, yang tidak dapat dirasai sangat oleh ahli-ahli peniaga yang mereka itu ditekan untuk menjaga kepentingan pembeli-pembeli. Saya rasa itu ada baiknya, ada baiknya, kalau Kerajaan mengambil satu langkah mengadakan direktif yang baik kursus yang cermat kepada inspektor atau pegawai yang bertugas supaya tindaklah dengan undang-undang yang kita luluskan di sini menimbulkan perasaan tak puashati ataupun perasaan takut begitu hebat terhadap peniaga-peniaga.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya memberi tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang telah dapat mengemukakan satu undang-undang yang baik.

Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan akan menjalankan undang-undang itu jangan undang-undang tinggal undang-undang sahaja. Saya suka memberi pandangan saya kepada Menteri yang berkenaan iaitu patut segala barang-barang yang dijual di kedai-kedai samada sayur-sayur, ikan-ikan basah, ikan-ikan kering dan lain-lainnya dan segala barang-barang hendaklah ada harga barang-barang itu ditaruhkan kerana pada masa ini saya dapati orang-orang berniaga sukahatinya sahaja menaruhkan harganya. Sebab saya kata begitu segala barang-barang samada sayur, ikan, kain, terlampau mahal dan terlampau banyak barang itu, itu yang menghairankan saya. Barang banyak tetapi harganya mahal. Di mana-mana sahaja, di

pasar-pasar, di pekan-pekan di Malaysia Barat ini tetapi harganya sangat mahal dan tidak berpatutan. Kalau barang-barang itu tidak ada atau sangat kurang, patutlah harganya mahal. Tetapi barang-barang tidak terhingga banyaknya, di mana sahaja pasar-pasar saya pergi, semua barang-barang banyak, tetapi harganya sangat mahal. Ini adalah menghairankan saya.

Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan akan mengambil berat meletakkan harga-harga barang-barang ini. Juga saya hairan harga barang-barang dari satu pekan dengan satu pekan tidak sama. Misalnya di pekan Batu di kampung saya sendiri, harga sayur 20 sen, tetapi jikalau pergi ke Jinjang dua batu dari tempat saya, harganya cuma 15 sen sahaja. Tetapi kalau pergi pula ke Kepong empat batu dari tempat saya, harganya sudah naik 25 sen. Mengapa dibeza-bezakan harga sayur ini? Bermakna orang-orang berniaga ini sukahatinya sahaja.

Satu lagi pandangan saya berkenaan dengan "Trade Mark". Saya pandang sangat banyak dan bermacam-macam trade mark. Patutlah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat satu trade mark sahaja iaitu misalnya bendera Malaysia diberi kod word bagi satu-satu benda yang diperniagakannya. Jadi trade mark kita satu macam sahaja dan kita tahu barang itu perbuatan Malaysia. Pada masa ini beratus-beratus macam trade mark yang saya nampak ini akan mengelirukan Kerajaan. Jikalau Kerajaan mengaturkan trade mark satu macam sahaja, tetapi kod wordnya dibeza-bezakan akan menyenangkan Kerajaan dan juga orang ramai.

Inilah pandangan saya kepada Bil ini. Saya pandang ini adalah Bil yang baik yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Saya menyokong Bil ini.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, saya tumpang bangun menyokong Rang Undang-undang ini yang saya fikir cukup elok dan bagus. Tetapi kalau kita baca, kaji halus-halus, saya pun berasa khawatir sedikit. Saya bersetuju dengan pendapat rakan-rakan saya Yang Berhormat Encik Yeap dan juga Yang Berhormat Encik Sha'ari itu. Saya takut kalau-kalau oleh sebab kuasa yang diberi kepada pegawai kita terlampau boleh kata besar, dia boleh masuk dalam kedai, dia boleh periksa barang, periksa itu dan ini.

Kalau-kalau ini akan memberikan satu pendapatan dengan cara corruption. Fasal kita, we are all human beings and humans are tempted. Takut kepada temptation. Even the Minister is tempted. Ini bukanlah di dalam Dewan ini. Maknanya Minister ini bukanya yang ini tetapi dia pun ada temptation juga. Jadi temptation ini kalau human being mesti ada. Misalnya kalau saya seorang pekedai. Kalau pegawai itu tiba-tiba datang memeriksa: Oh! Awak salah itu, ini tidak kena, ini tidak kena. Wah! Saya hendak kena beri duit ini! Saya tengok orang, ada atau tidak. Ambillah \$1,000, diam-diamlah. Oh! tidak cukup. Nah! \$1,000 lagi, jadi \$2,000. Saya beri \$2,000, saya taukeh apa yang saya gaduh? Saya tanya itu. Inilah yang saya takutkan. Saya takut temptation ini kerana siapa pun bekerja, hendak cari duit. Kalau dia boleh dapat duit dengan cara ini, barangkali gaji \$1,000-\$2,000 sebulan pun terlupa agaknya. Ini \$1,000-\$2,000 senang sahaja masuk.

Jadi bukan saya kata semua pegawai Kerajaan ini corrupted, tidak. Setengah-setengahnya saya tahu corrupted, definitely. Jadi oleh sebab itu, kita patutlah mengatasi dengan membuat satu cara. Saya tidak nampak cara lain, saya nampak satu iaitu saya syor kepada Kementerian patutlah Kementerian mengadakan satu Independent Watchdog Committee iaitu satu Jawatan-kuasa yang bebas mengandungi pegawai-pegawai tinggi daripada Jabatan-jabatan yang lain. Seorang daripada Treasury, seorang daripada Kesihatan, seorang daripada Pelajaran, seorang daripada sekian-sekian. Maka kepada orang-orang inilah letaknya sekiranya kalau ada komplek berkenaan dengan satu-satu pegawai di dalam Kementerian ini, maka orang inilah akan investigate perkara itu dan kalau didapatinya betul atau tidak, orang inilah yang akan memberi cadangan kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan kalau benda itu jadi kes. Kalau patut di bawa pergi ke mahkamah, bawalah ke mahkamah. Kalau yang boleh dimaafkan, hendak dijadikan disciplinary case, buatlah. Saya cadangkan patutlah diadakan. Orang-orang ini tidak payah diberi apa-apa bayaran (elaun) oleh kerana mereka ini adalah pegawai-pegawai Kerajaan. Cuma kita ada untuk kalau-kalau ada kes: itu awaklah jaga!

Saya haraplah ini adalah satu perkara, satu benda yang kita boleh mengatasi temptation ini, kalau ada berlaku.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, saya tertarik juga hendak ikut bercakap dalam Rang Undang-undang ini, oleh kerana saya merasa walaupun pihak Kerajaan dalam merangkakan undang-undang ini telah menyatakan tidak merupakan berat sebelah kepada mana-mana pihak pun tetapi nyatalah Rang Undang-undang ini telah dibuat bagi maksud menjaga kepentingan pengguna-pengguna.

Disamping saya berasa cukup gembira bahawa sanya Kerajaan memberi perhatian kepada rakyat ramai sebagai pengguna, saya merasa sedikit sangsi kerana keseluruhan daripada Rang Undang-undang ini menyebutkan penjual-penjual. Banyak kesalahan-kesalahan yang boleh dilakukan dengan sengaja atau tidak sengaja oleh penjual-penjual yang akan menjadi mangsa kepada pelaksanaan undang-undang ini, sedangkan barang-barang apabila diletakkan oleh penjual-penjual, saya tidak kira sayur, ikan dan sebagainya tetapi lain-lain barang yang dijual, misalnya seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi katakanlah kain dikatakan 60% terylene tetapi di dalamnya hanya mengandungi sebenarnya 45% atau 35% sahaja terylene. Ertinya telah ada palsu dan sebagainya itu bukanlah diusahakan atau diadakan atau dibuat oleh penjual seperti yang kita faham. Kain-kain diusahakan oleh fektri perusahaan-perusahaan membuat kain yang mengedarkan kain itu melalui ejen atau secara langsung dari kilang kepada peniaga-peniaga yang disifatkan penjual-penjual langsung kepada pengguna-pengguna. Ini dari dua sumber samada dari sumber dalam negeri atau dari sumber luar negeri.

Sumber dalam negeri ertinya dari perusahaan-perusahaan yang diwujudkan di dalam negeri atau dari sumber luar negeri, ertinya dari barang-barang yang diimpot ke dalam negeri oleh pedagang-pedagang impot. Kalau sekiranya Rang Undang-undang ini menentukan bahawa sanya apabila didapati kesalahan dan dapat dianggap palsu atau memalsukan, ertinya menjualkan sesuatu barang yang qualitynya lebih rendah daripada sebenarnya dengan meletakkan harga yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya itu merugikan kepentingan pengguna maka

penjual yang tidak sedar menerima akibat daripada berlakunya kuatkuasa undang-undang ini sedangkan mereka hanyalah menjual dari barang-barang yang didapati mereka dari importer atau dari kilang-kilang atau dari ejen kilang-kilang di dalam negeri ini. Maka saya rasa, Tuan Yang di Pertua, dalam pemalsuan barang-barang pihak pengeluar barang, pengusaha barang itu yang lebih patut diberi tanggungjawab dan mempertanggungjawab tentang berlakunya kepalsuan dan dilain pihak iaitu pihak importers sekali pun mereka tidak membuat barang itu tetapi mereka mengimpot dari luar negeri mereka harus menyakinkan diri mereka sendiri bahawa sanya barang yang mereka impot adalah nyata sekali benar dan sesuai sepertimana yang diiklankan dengan itu mereka mengimpot dan bagi memastikan ini Kerajaan harus campur tangan, ertinya tiap-tiap barang yang mahu diimpot biarlah Kerajaan mengetahui bahawa barang yang diimpot itu benar-benar barang yang tidak dipalsukan, dalam artikata kita mengelak daripada terkena barang yang dipalsukan. Jika dengan terjaminnya itu baharulah diimpot dan di dalam negeri tiap-tiap perusahaan haruslah mengeluarkan barang-barang yang dapat dikatakan barang yang bermutu yang tidak dipalsukan. Misalnya dalam perusahaan kain di dalam negeri kita ini telah ada perusahaan kain putih. Ada kilang kepunyaan swasta yang memproseskan kain putih sampai kepada peringkat mutu yang baik dan dikenakan harga yang menasabah dengan mutu pengeluarannya sendiri.

Ada juga perusahaan yang sama dilakukan oleh badan-badan lain di mana pihak swasta ikut campur menanamkan modal dan menadbir perusahaan-perusahaan itu. Dari sudut perniagaan ertinya sesuatu perusahaan baharu timbul bererti menandingi perusahaan lama yang telah wujud. Maka campur tangan daripada perusahaan swasta yang lama dalam perusahaan yang baharu merupakan satu usaha yang menggalakkan di satu pihak, ertinya dipihak lain ada kemungkinan barang yang dikeluarkan oleh perusahaan yang kedua itu merupakan barang yang mutunya lebih rendah sebab ada juga saya dengar khabar kalau di luar negeri misalnya kalau satu-satu kilang atau alat-alat mesyen yang dibuat oleh negeri itu untuk digunakan dalam negeri itu dibuat mutunya cukup baik tetapi kalau orang

memesan barang itu dari luar negeri untuk dipasang kilang itu di dalam negeri lain dibuat juga mesyen yang sama tetapi qualitynya boleh mengeluarkan barang-barang yang tidak sama qualitynya daripada barang-barang yang dapat dikeluarkan daripada negerinya sendiri. Dengan hal ini kalaulah berlaku di dalam tanahair kita sendiri kilang yang membuat kain yang pertama mempunyai kepentingan dalam kilang membuat kain yang kedua. Kilang yang membuat kain yang kedua ini mengeluarkan kain mutunya tidak sama tetapi harganya cukup tinggi sebab dia disifatkan agak monopoli. Maka pengguna-pengguna kain bagi memproseskan kain misalnya hendak buat batik mahu tidak mahu terpaksa membeli tetapi kain yang dibeli itu mutunya lebih rendah daripada kain yang boleh didapati dari sumber lain tetapi kawalannya dan harganya terlebih tinggi dan ini juga merupakan kemajuan secara umum. Kalau sekiranya berlakulah kain yang harga begitu tetapi bila dibuat diproseskan menjadi batik tetapi tidak tahan kain itu. Kain sama, kain putih tetapi bila dibuat jadi batik kena alat-alat kemikel dan dia tak tahan. Jadi pengguna terpaksa membayar dengan harga yang sama kerana dia dari bahan yang sama asalnya tetapi qualitynya tidak sama. Dengan kerana itu setengah-setengah orang berfikir lebih baik mencari bahan-bahan yang diekspot, yang diimport dari luar negeri yang mutunya lebih terjamin daripada barang-barang yang dibuat dalam negeri sedangkan mutunya tidak begitu baik.

Hal ini semuanya merupakan pemalsuan yang besar. Jadi yang di bicarakan dalam Rang Undang-undang ini ialah pemalsuan yang kecil-kecil, ertinya menangkap penjual-penjual yang menjual kain atau yang menjual barang-barang yang 50% terylene dikatakan 60% misalnya sekiranya kerajaan hendak mengawal maka kilang-kilang inilah yang patut diteliti habis-habis.

Tuan Yang di Pertua, oleh sebab yang seperti itu maka saya katakan hendaklah diadakan kawalan terhadap barang-barang yang diimport supaya setiap barang yang diberi contoh untuk diimport dan pemerintah mengeluarkan permit untuk diimport atau berdasarkan quota atau tidak berdasarkan quota haruslah ditentukan barang itu betul-betul berdasarkan original daripada kilang aslinya ataupun negeri aslinya supaya ter-

jamin yang importer itu membawa masuk barang yang betul-betul seperti barang yang dimaksudkan. Jadi tidak ada timbul masalah pedagang-pedagang yang mengambil barang palsu untuk dijual.

Yang kedua dari segi kilang-kilang dalam negeri ini mesti ditelitikan betul-betul bahawasanya mereka hendaklah mengeluarkan barang-barang yang betul-betul berkualiti dan quality itu dapat dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan pengguna dan untuk menjaga juga kepentingan ekonomi negara ini dalam usaha kita bukan sahaja untuk mengedarkan dalam negeri tetapi juga kalau dapat untuk diekspot perusahaan-perusahaan yang dibuat dalam negeri kita ini.

Jadi, Tuan Yang di Pertua, dengan cara yang seperti itu dapatlah dikawal mutu daripada berlakunya pemalsuan kerana dasar manusia mencari keuntungan itu tidak perlu dengan jujur kerana dia hanya boleh dapat untung banyak dengan sedikit penipuan baharu keuntungan dapat ditambah sedikit daripada kebiasaan.

Dari sudut lain misalnya ada barang perniagaan yang dibuat di Amerika—Made in U.S.A. Dia sudah mendapat tempat di hati pengguna-pengguna negeri ini. Ada kemeja-kemeja yang mempunyai trade mark yang begini-begini dia dibuat di Australia dan dia telah mendapat tempat di hati pengguna-pengguna negeri ini. Sesudah ini mendapat pasaran maka timbul pedagang-pedagang atau pengusaha-pengusaha di belakang layar mengeluarkan kemeja-kemeja yang memakai "Made in U.S.A." atau "Made in Australia" dengan potongannya sama tetapi hanya bahannya yang berbeza daripada yang asli, tetapi ini disifatkan, sebagai asli maka disalurkan kepada semua pekedai-pekedai, penjual-penjual untuk kepentingan pengguna-pengguna sebagai barang-barang asli. Disatu pihak kerugian kepada pengeluar asli kilang-kilang yang memproseskan pakaian seperti itu yang asli tetapi mereka tidak menjadi soal. Soalnya sekarang, pada kita ialah pengguna sendiri. Pengguna dapat satu barang yang kurang baik, tetapi dengan harga yang sama tinggi mengikut nilai asal, sedangkan orang yang membuat pemalsuan itu mendapat keuntungan dengan secara besar-besaran.

Tuan Yang di Pertua, hal ini banyak berlaku. Ada barang-barang yang dibuat di Hong Kong dengan nama made in USA ada

barang yang dibuat di Singapura dengan nama made in Singapura, dan ada barang yang dibuat di Malaysia, di rumah-rumah buruk, di rumah-rumah kecil dengan nama Made in America dan sebagainya. Hal ini boleh kita jumpai, tetapi tentulah tidak mahu diceritakan oleh pehak yang berkenaan. Saya katakan tak mahu diceritakan seperti suatu kejadian, seorang kawan saya mengatakan di Butterworth katanya dia pernah melihat dan mendatangi di-suatu rumah yang bekerja menjahit kemija, menggunakan satu trademarknya begini-begini? Besar-besaran dikeluarkan barang itu, kemudian disalurkan di-kedai-kedai dan orang percaya bahawa itu satu trade mark yang cukup bagus, handal dan jempul. Jadi saya bertanya, bolehkan saya dapat tahu siapakah orang yang membuatnya? Katanya, kawan dia, maafah tak boleh diceritakan, kawan itu cari makan. Jadi perkara ini mesti dicari, mesti dibongkar pemalsuan ini kerana kepentingan pengguna dan kepentingan pedagang-pedagang asli.

Tuan Yang di Pertua, nyatalah pemalsuan ini berlaku, dalam berbagai bidang termasuk ubat-ubatan, dan ubat-ubat yang demikian tentu merbahaya pada kesihatan manusia. Dan disamping itu, dalam mengawalinya, Tuan Yang di Pertua, pehak Kementerian yang berkenaan dengan kerjasama persatuan pengguna, boleh dapat banyak lagi pendapat-pendapat yang membena dari semasa ke semasa untuk mengawal keadaan ini tetapi pokok pangkalnya, Tuan Yang di Pertua, ialah dua cara yang saya katakan tadi daripada importer yang mengimpot barang dari luar, atau dari perusahaan kilang yang ujud di negara kita, hendaklah jadi sumber tempat mengawal supaya tidak berlakunya pemalsuan itu.

Kerajaan hendaklah memakai ejen-ejen dari Kementerian untuk menyiasat segala kemungkinan yang memang ujud dalam negara kita, memalsukan barang-barang oleh saudagar-saudagar kecil bagi kepentingan penipuan dengan cara besar-besaran dan merugikan kepentingan pengguna-pengguna.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas segala sukungan yang telah di berikan kepada Rang Undang-undang ini dan saya akan cuba dengan ringkasnya menjawab segala perkara-perkara yang penting yang telah disebutkan tadi.

Pertamanya, saya suka menjawab perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Yeap Kheng Yam berkenaan perasaan kuatirnya barangkali undang-undang ini akan membawa akibat tak baik kepada peniaga-peniaga kecil, yang tak baik untuk menulung kaum-kaum kita yang miskin dengan mengadakan jualan murah apabila barang-barang mereka itu sudah lama tak dapat dijual lagi dengan diadakan cheap sale dan diturunkan daripada \$3 kepada \$2 atau \$1 dan sebagainya. Saya suka memberitahu kepada Yang Berhormat itu, kalaulah ada perkara yang semacam itu dengan tujuan yang serupa, maka pehak kita akan menjalankan undang-undang akan faham bahawa ini ialah satu perkara yang berlaku, yang boleh dikatakan biasa berlaku di mana-mana juga bukan sahaja di negara kita bahkan diseluruh dunia. Tetapi apa yang kita hendak tujukan ialah pekedai-pekedai yang menggunakan perkataan "cheap sale" itu semata-mata untuk mengeksploitkan pengguna-pengguna misalnya saya biasa tenguk pekedai-pekedai di negara kita ini boleh dikatakan ada permanent cheap sale. 365 hari dia cheap sale. Kalau ada 366 hari pun 366 harilah cheap salenya. Dan ada juga disebut winter sale, autumn sale. Mana ada winter dalam negara kita ini? Ini juga mereka cuba hendak memainkan ini semua, kerana hendak menarik pembeli-pembeli dengan cara yang tak betul. Dan perkara ini semua terpulung kepada niat, kalau niat dia tak betul, kita tahu lebih kurang cara-cara penipuannya, kerana kita pun masak juga dalam hal ini dan kalau nampaknya niatnya itu ialah hanya hendak menipu, maka ini, saya rasa, patutlah kita mengambil tindakan untuk mempertahankan kepentingan pembeli-pembeli.

Yang Berhormat Encik Yeap juga menyebutkan berkenaan dengan kuasa memeriksa kedai-kedai. Saya suka menyatakan bahawa kuasa memeriksa kedai-kedai ini bukan sahaja ada kepada Penolong Pengawal-pengawal yang akan dilantik nanti, bahkan sekarang ini pun ada kuasa ini diberi kepada pegawai-pegawai yang menjalankan berkenaan dengan harga-harga barang. Sungguhpun begitu, saya jarang benar dengar bahawa kuasa-kuasa itu disalahgunakan. Kalau ada pun, itu tak sampailah kepada saya. Sungguhpun begitu, saya mengaku ada juga, bukan dalam perkara ini, tetapi dalam lain-lain perkara bagaimana yang disebutkan

oleh Yang Berhormat Encik Shaari tadi yang mana pegawai-pegawai kita berlagak lebih sedikit, aksinya lebih sedikit. Maklumlah dapat uniform, dia pun berlagak. Dia ingat dunia ini dia punya, dan boleh tunjuk hebat, dia masuk kedai, periksa itu, periksa ini. Dan ada juga benda ini berlaku. Kalau ada, barangkali tak lama pegawai itu, saya harap tak lama dia duduk dalam jawatan yang macam itu. Jadi tak bolehlah dia berbuat begitu semata-mata dengan sebab dia hendak buang geramnya ataupun hendak perkara tunjukkan kuasanya dengan sewenang-wenang dan membuat suatu perkara yang boleh dikatakan tidak adil kepada pekedai-pekedai.

Yang Berhormat Encik Shaari telah menyebut berkenaan dengan perniagaan, ini memang ada musim. Ada musim Raya Puasa, Raya Cina, Raya Deepavali dan sebagainya. Memang inilah sebabnya kita hendak adakan undang-undang ini kerana musim ini mereka hendak cekek. Jadi kita hendak waspada pun dalam musim macam inilah. Bila tiba musim Raya Cina, buah limau pun naik. Buah limau luar negeri pun naik, dalam negeri pun naik. Bila datang pula musim bulan puasa, fasal banyak orang Perlis suka makan buah kurma, buah kurma naik harga. Macam di Kuala Lumpur jarang orang makan kurma, di Perlis buah kurma naik harga. Jadi masing-masing carilah peluang, dia pun hendak berhari raya juga. Dia carilah habuan hendak buat perbelanjaan untuk raya itu. Dan dengan sebab itu, memang saya telah memberi arahan dan pada masa yang sudah-sudah pun musim yang macam inilah kita memberi perhatian istimewa.

Yang Berhormat Encik Shaari telah juga menyebutkan berkenaan dengan tanda harga di Pulau Pinang itu sungguhpun ada tanda harga, tetapi boleh ditawarkan. Jadi inilah tujuan hendak diadakan tanda harga. Dia hendak tunjukkan harga sebenarnya yang dijual di situ. Dan kalau kita boleh tawar, dapat lebih murah daripada itu, itu memanglah bagus. Dan kita boleh bandingkan mana-mana kedai yang murah, kita pergi tuju kedai itu. Tentang buku kira-kira yang disebutkan oleh Ahli itu tadi, kebanyakannya saya tahu, bukan semua, tetapi ada banyak pekedai-pekedai yang menyimpan 3 buku kira-kira. Satu untuk Income Tax, satu untuk dia sendiri, dan satu untuk kongsinya. Jadi terpolanglah mana satu buku yang kita boleh

dapat. Kalau dapat buku kongsinya itu, betul. Kalau dapat buku untuk Income Tax, memang tak betul. Inilah yang pehak Income Tax sedang siasat sekarang ini yang menyimpan banyak buku itu. Jadi susahlah bagi saya hendak buat apa pun, memang susah. Tetapi bagaimanapun terserahlah kepada pehak Income Tax, kita tahu sekarang ini pun Income Tax cukup sibuk, dia dapat tangkap ramai orang-orang yang cuba hendak main sunglap semacam itu. Jadi, janganlah dengan sebab itu kata ada orang Melayu takut hendak masuk joint venture dan kerjasama dengan orang Cina kita dalam perniagaan. Jadi belajarlah pada orang Cina, kalau orang Cina tipu sedikit, kita pun belajar sedikit. Saya katakan saya memang suka dan saya menggalakkan bukan business "Ali-Baba" saya galakkan bukan business (*Ketawa*). Kalau Ali-Baba itu tidak betul. Kita mahu Ali pun aktif, Baba pun aktif, Ali dan Baba baharu berjaya dan kalau Ahli dan Baba, buku dia pun buku kita. Sekarang ini fasal Ali-Baba dia simpan dua buku, yang ditunjukkan pada kita itu lain. Saya harap pada Yang Berhormat Tuan Shaari, carilah perniagaan yang di namakan "Ali dan Baba".

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah menyentuh berkenaan dengan undang-undang ini, katanya adalah berat sebelah kalau kita pandangan, kerana kita tujuan hanya kepada pekedai-pekedai iaitu retailers, kita tidak pergi kepada wholesalers ataupun tidak pergi kepada manufacturers, barangkali undang-undang ini akan tidak adil kepada pekedai-pekedai, kerana bukan salah dia. Ada juga Ahli Yang Berhormat kata dia jual 50% terrylene, 50% cotton ataupun kapas. Jadi dia jual betul dan jujur. Dengan sebab itu memang ada dalam undang-undang iaitu Fasal 28 seterusnya kita memang ada sebut di situ di mana pekedai-pekedai itu boleh mempertahankan kedudukannya, dirinya dengan sebab itu bukan kesalahan dia, dia boleh tunjukkan invoice yang dia beli daripada Ubaidulla & Co. misalnya (*Ketawa*). Kalau Ubaidulla & Co. tidak betul, itu bukan salah dia. Ini sebagai contoh sahaja. Ini memang ada syarat-syaratnya saya telah bacakan tadi kalau dengan sebab silap dia ataupun dengan sebab kata Yang Berhormat Datuk Nik Hassan sebut lebel jatuh, lebel jatuh tengoklah kalau jatuh selalu (*Ketawa*). Ini saya pun tahu juga, selalu lebel itu jatuh. Baharu taruh anaknya main-main, anak dia tidak ada di situ hari itu, anaknya main, macam-macam

trick, kita pun tahu trick mereka itu. Dengan sebab itu terpulangnya kepada mahkamah hendak beri benefit of the doubtkah, atau hendak beri macam mana, itu terpulang kepada mahkamah. Tetapi bagi pehak kita sudah mark kedai itu sudah lama baharu kita tangkap, selalunya begitu. Ini hendak beritahu Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, kita sudah mark tiga empat kali, baharulah kita serbu, bukan dengan begitu sahaja kita serbu. Saya memang bersetuju iaitu patutlah kita berjaga dalam hal menjalankan undang-undang ini, kerana kalau salahguna ini akan membawa tidak adil kepada penjual-penjual ataupun pekedai-pekedai kita.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Yaacob sebutkan berkenaan dengan tanda-tanda harga. Saya suka menyatakan di sini bahawa tidak lama lagi saya akan mengeluarkan lagi undang-undang, saya akan memasukkan lagi tidak kurang daripada 35 benda yang mesti diletakkan tanda-tanda harga. Tujuannya ialah supaya dapat pembeli-pembeli membandingkan mana-mana kedai sebelum mereka itu membeli barang-barang. Kita tengok macam barang-barang di Supermarket. Sekarang ini macam di bandar Kuala Lumpur sendiri dengan sebab ada dua Supermarket yang besar, hari-hari kita tengok mereka itu berlawan-berlawan antara satu dengan yang lain. Biar mereka berlawan. Saya suka lagi lima Supermarket ada lagi baik. Mereka berlawan kita senang. Dengan sebab itu, dia terpaksa mengadakan Supermarket, semua dia ada, daging lembu dan macam-macam semua dia ada lebelnya. Dan saya perhatikan pada amnya harga-harga itu lebih murah lagi daripada mana-mana tempat, bahkan macam musim hari Raya Cina pun banyak orang Cina beli daripada Supermarket, sebab boleh dapat timbang yang betul, di luar 14 tahlil sekati, tetapi Supermarket dia betul, fasal timbang pun betul. Dengan sebab itulah, kita hendak galakkan lebeh banyak honest traders, peniaga-peniaga yang adil dan yang ikhlas, yang jujur daripada dishonest traders. Tujuan kita mengadakan undang-undang ini bukan lain, kita hendak galakkan, indoctrinate perasaan yang semacam ini di kalangan peniaga-peniaga kita.

Saya suka menjawab berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Tuan Abdul Samad bin Osman, takut-takut barangkali dengan sebab ada kuasa yang begitu boleh jadi

korupsi. Ini saya katakan kalau takut macam itu tidak boleh adakan undang-undang. Dia cadangkan kita adakan Independent Watchdog Committee. Saya ingat yang sehabis berkuasa sekali Independent Watchdog Committee ialah B.P.R.—tidak ada lain daripada itu—B.P.R. siapa pun dia boleh tangkap. Nasib baik Yang Berhormat Tuan Abdul Samad waktu bekerja dahulu tidak ada B.P.R. (*Ketawa*) barangkali dia tidak kena. Jadi saya kata tidak payah kita adakan itu. Kalau kita ada information, ada penerangan kita syak mana-mana pegawai membuat suatu yang curang, kita memang boleh bertindak. Nasib baik dia tidak ada di sini

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Dia dengar di luar!

Tuan Mohamed Khir Johari: Dia dengar di luar saya pun hendak sampaikan. Katakan bersangkutan dengan trade mark ini juga. Kalau macam dia sendiri, Yang Berhormat Tuan Abdul Samad bin Osman, dia hendak pose sebagai “Jason King” itu saya boleh tangkap di bawah undang-undang ini, di bawah trade mark, fasal misainya tidak betul (*Ketawa*).

Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus, saya telah pun menyebutkan berkenaan dengan berat sebelah terhadap penjual-penjual, kerana ini semua bukan salah mereka, tetapi salahnya datang daripada puncanya. Ini saya memang bersetuju dan dengan sebab itu, saya sebutkan tadi memang ada dalam undang-undang kita, iaitu pehak yang dituduh itu boleh membuat defencya untuk mempertahankan dirinya, dia boleh sebutkan ini bukan salah dia, tetapi salah daripada kedai di mana dia dapati barang-barang itu. Ahli Yang Berhormat itu minta kita adakan kawalan di atas barang-barang yang kita impot daripada luar negeri. Ini tidak dapat kita buat begitu, melainkan kita sendiri yang menjadi importer harus kita perhatikan mana-mana ekspoter yang jujur, yang ikhlas dan yang tidak jujur. Kalau kita nampak satu ekspoter daripada Hong Kong yang kita impot barang itu tidak betul, yang dia katakan begini, tidak jadi betul. Lain kali kita tidak usah order daripada dia. Itu sahaja. Tetapi banyak negeri yang saya tahu macam Australia dan New Zealand umpamanya kalau mereka itu hendak ekspot livestock

misalnya mentega, susu, dia mesti dichop oleh Milk Board, dia ada Milk Board yang mengontrol quality, kerana dia hendak juga mutu atau pun quality mentega dan barang barang dairy products yang di bawa keluar daripada Australia. Kita pun ada juga di sini, bukan tidak ada, misalnya nenas kita, kita ada central board yang menjaga tentang qualitynya.

Begitu juga setengah negeri hendak jaga meruahnya, namanya dia memang ada quality control di atas barang-barang yang di eksport keluar negeri. Tetapi bagi pehak negeri kita saya kata tidak boleh kita buat. Kalau kita hendak buat ini barangkali barang itu tidak boleh keluar dan tidak boleh dapat clearance dalam satu bulan, dan ini akan memakan masa tiga empat bulan. Jadi ini semua akan menyusahkan pengimpot dan juga pengguna-pengguna sekalian.

Tentang katanya iaitu misalnya ada orang yang menggunakan membuat baju di sini, dia buat chop Made in Australia, Made in USA dan sebagainya. Kalau ada macam itu sekarang ini apabila lulus undang-undang ini kita boleh tangkap. Inilah yang kita hendak cekup, kerana banyak sangat yang buat, yang menipu rakyat jelata kita sekalian. Bukan sahaja kita tengok tadi salah seorang Yang Berhormat sebutkan berkenaan dengan ubat. Saya pergi juga pasar minggu, tengok macam-macam dia jual, dia koyok, dia jual koyok betul-betul, kasihan, orang kampung kita yang beli. Dia kata ini ubat "K", orang lelaki tahulah ubat "K". Dia guarantee sampai berapa minit. Ini semua macam-macam yang hendak menipu rakyat jelata, yang kena tipu pula orang miskin. Umpamanya dia boleh ubat aspirin, dia tumbuk aspirin, dia buat botol kecil, satu aspirin dia jual tiga botol, kemudian macam-macam. Inilah saya katakan kita hendak tujukan juga ini bukan kata hendak tunggu yang besar-besar sahaja, yang kecil-kecil juga kerana yang kecil inilah yang menjadi besar. Saya katakan tujuan undang-undang ini ialah baik dan saya akan memerhatikan implimentasinya supaya kebajikannya itu akan pergi kepada pengguna-pengguna disamping itu juga faedah dan juga kepentingan orang perniagaan yang tulin akan juga kita menjaga. Kalau ada apa-apa yang lain yang boleh kita betulkan selepas kita jalankan undang-undang ini saya beri pengakuan di sini akan balik kepada Dewan ini lagi semula untuk membuat pindaan-pindaan yang perlu untuk

melicinkan lagi undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Fasal 8 muka 9 dalam bahasa Melayunya yang berbunyi:

"8. Seseorang yang mendedahkan barang-barang untuk bekalan atau ada barang-barang dalam mileknya untuk bekalan hendaklah disifatkan sebagai menawar atau membekalkan barang-barang itu".

Tuan Pengerusi, untuk kita hendak mengetahui kedai ini menjual barang apa maka clause ini amatlah baik. Tetapi untuk men-sifatkan bahawa orang itu menawarkan untuk membekalkan atau menjual, ini adalah satu masalah undang-undang. Sebab misalnya ada di dalam milik yang dia tidak mesti untuk dijual ditempat itu. Sebab kalau diperiksa dan didapati begitu bahagian dia akan dituduh sebab itulah clause ini sengaja diadakan begitu iaitu barang siapa yang menjual betul sudah tentulah dia menjual. Tetapi kalau dia ada di dalam simpanannya—ini ada satu perkataan "ada barang-barang dalam miliknya" dan orang yang macam itu pun sudah dikira hendak menjual. Kata di sini shall be deemed to offer or supply them—ini satu perkara yang sudah.

Misalnya saya bukan orang berniaga tetapi dikedai, rumah, maka sahabat saya misalnya Senator Datuk Nik Hassan orang saudagar dia letak barang di situ dan barangnya memang dilabel itu untuk dijual. Jadi oleh sesuatu sebab dipinjam tempat saya dan oleh sesuatu sebab yang lain ada kesalahan maka saya didapati memiliki benda itu, maka saya dikira sama juga orang yang menjual. Ini satu perkara yang besar saya rasa dari segi undang-undang. Malah, Tuan Pengerusi, yang saya bercakap—saya bukan ahli undang-undang dalam ini tetapi hukum Fekah dalam Islam pun ada yang semacam ini yang sama—iaitu terkadang-kadang kalau dia letak disitu tidak mesti dijual kerana

kalau sudah tetap untuk dia untuk dijual kalau dia tidak jual dia sudah salah label kesemua, kita meletak label itu kadang-kadang itu diistilahkan dalam hukum Islam dan barangkali dalam undang-undang juga di namakan invitation to trick, tidak offer lagi di situ. Kalau offer, dia sudah kena juga. Jadi ini pun satu perkara yang membeza dari offer dengan invitation to trick dan ini saya bimbang takut dibuat seksyen ini dengan tidak cermat, maka hasil yang hendak dibuat baik itu sementara Menteri kita hendak datang balik ke Dewan ini untuk membetulkan sudah ada perkara-perkara yang berlaku yang tidak baik. Saya mintalah dijawab dalam perkara ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Seksyen 8 ini undang-undang ini perlu diadakan. Itu terpujanglah kepada pekedai itu untuk memprufkan bahawa ini ialah dia tumpang di situ, dia main tumpang bubuh sahaja, dia kena pruf. Bagi pihak kita, kita kalau dia tidak ada yang ini dia boleh main macam-macam, dia boleh buat helah macam-macam yang tidak dapat kita evidence yang cukup, kata-lah macam undang-undang curi. Undang-undang curi mana kita hendak pruf. Kadang-kadang kita tidak boleh pruf kata orang itu, dia itu kata tidak curi tetapi ada undang-undang lain dia kata retaining stolen property, ditangkap di situ pula. Jadi betul dia tidak curi, tetapi dia pegang benda itu, yang itu dia kena. Kalau dia tidak salah jawab, melainkan kalau dalam Mahkamah dia boleh pruf kata betul yang ini dia ini Datuk Nik Hassan tumpang taruh di rumah bukan dia tahu apa, curi tidak curi—itu lepaslah dia. Ini saya katakan kepada Ahli Yang Berhormat walau bagaimana saya suka sekali pun ini perlu kita adakan kalau kita hendak jalankan. Kalau tidak dia ada memang boleh dapat helah untuk dia yang betul-betul yang hendak buat tidak betul pun dia boleh lari kalau tidak ada undang-undang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak maksudkan itu. Saya bersetuju dengan undang-undang itu sehingga saya kata dalam Islam pun Hukum Fekahnya begitu, tetapi bentuk undang-undang itu yang saya bahaskan bukan membahaskan motif yang kita buat itu. Ada pun hendak menyamakan barang curi dengan barang tidak curi itu dipanggilkan suspected stolen

property, itu seksyen lain, itu bukan curi, dia berlawan dengan Penal Code, bukan dia punya law itu. Pendek kata tidaklah boleh disamakan dengan yang ini. Kalau pun apa yang dikatakan itu true, it does not necessarily be true in this respect—tidak boleh pakai yang itu. Yang saya maksudkan di sini bukan tidak mahu mengadakan, yang saya maksudkan kita ada satu clause kalau satu orang itu ada barang simpanan di kedai dia dan barang itu memang untuk dijual. Kalau dia mendedahkan untuk dijual, dia disifatkan menjual. Tetapi kalau dia tidak menjual, maka dia hendak mensifatkan menjual, itu sudah tidak betul. Ini kalau berlaku satu-satu hal, jikalau tidak, tentulah undang-undang ini tidak dibuat.

Ada pun kita hendak mengatakan, kamu yang kena tuduh kamu mesti pruf defence yang kamu tidak bersalah, itu siapa pun tidak payah suruh dia tentu lawan. Tetapi mengapakah kita mesti membuat undang-undang saya kita rasa boleh menjerat rakyat—itu yang saya bahaskan

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat undang-undang ini dari konteks perniagaan dalam negeri kita ini, saya ingat kita mesti ada, walaupun tentang formatnya itu betul atau tidak betul, saya tidak mahu bertengkar, tetapi tentang cara yang seperti ini, kuasa yang seperti ini—tiada, kerana, kalau tidak, katakanlah saya ada dua guni beras. Di depan itu satu, setengah kedai disimpan di belakang itu satu. Kadang-kadang bila kita pergi hendak menangkap dia. “Apa fasal beras ini awak jual begini?” Jawabnya “tidak, yang sebetulnya ada di belakang.” Dia tidak sempat hendak bawa ke depan. Saya pergi raid kedai itu sendiri, saya tahu. Sepertimana kata Datuk Nik Hassan, kata label jatuh. Ini pun saya tahu juga. Jadi, saya katakan kepada Ahli Yang Berhormat, perkara yang berlaku seperti itu mesti ada, tetapi kalaulah berlaku teraniaya nanti, kerana beberapa banyak kes yang teraniaya, dengan sebab adanya Rang Undang-undang ini, itu saya katakan kita akan bawa balik ke Dewan dan kita akan pinda. Kita ada ramai lawyer, yang tidak menjadi Ahli Bar Council pun ada, yang lapuk pun ada, yang tidak paluk pun ada. (*Ketawa*).

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14 hingga 39—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, lagi sekali saya bangun di bawah Fasal 14 (1) (b), muka 13. Seseorang itu adalah dianggapkan telah membuat kenyataan yang tidak betul dalam perihal perdagangan ini. Kalau dia menawarkan harga itu lebih ataupun kurang, di sini harga kurang daripada harga bagi barang-barang itu, atau bagi barang-barang daripada perihal yang sama, telah ditawarkan olehnya atau adalah kurang daripada sesuatu harga itu. Di bawah 14 (1) (a) harga yang disyorkan inipun menjadi satu masalah, sebab kita hendak mengesyorkan kepada pedagang-pedagang menyuruhnya menjual katakan \$5.00, tiba-tiba dia jual \$5.50 dan itu sudah menjadi satu kesalahan, sedangkan kita mengesyorkan kepada dia, dia tidak mesti terima. Takkanlah pula semua barang-barang yang kita syorkan kepada dia, dia akan terima. Dalam bahasa Inggeris ini disebutkan "recommended!" Inipun saya rasa, perkataan "recommended" inipun payah juga, tidak dapat hendak dipegang dari segi undang-undang.

Kalau dikatakan bahawa ini ditetapkan oleh Kerajaan ataupun prescribe itu adalah lebeh tegas. You recommended, but I do not accept your recommendation. What are you going to say? Payah juga. Dan lagi pula tidak ada pula di sini satu undang-undang yang mentafsirkan apa ertinya harga yang disyorkan itu. Dalam undang-undang ini tidak ada, saya tidak dapatlah, barangkali Yang Berhormat Menteri boleh tunjukkan.

Kalau kita menggunakan perkataan-perkataan undang-undang dengan tidak mempunyai pentafsirannya, saya rasa lainlah kalau perkataan biasa, misalnya perkataan "kepala", "telinga" dan "hidung". Itu tidak payah mengadakan pentafsiran, tetapi perkataan "syor", "recommended". Kemudian daripada itu "prescribe", ini kesemuanya mesti diadakan peraturan-peraturan pentafsirannya. Kemudian, Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang saya rasa bimbang.

Yang lagi satu tinggi sedikit daripada harga yang pernah dijual. Jadinya, hari itu dia jual \$5.00, bulan ini \$5.50. Tidak boleh—salah. Mungkin ada faktor-faktor ekonomi yang menyebabkan dia menjadi begitu, misalnya kalau rokok 40 sen satu bungkus

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, ini kurang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kurang pun itupun menjadi satu masalah juga. Lagi teruk. Kawan itu hendak jual kurang, kita pergi marah. (*Ketawa*) Kita tegah mereka jangan menjual mahal. Hamba Allah itu hendak menjual murah pun tidak boleh. Jadi, stagnant harganya. Inipun satu masalah. Misalnya, Tuan Pengerusi, dia menjualkan barang ini kita kata ada dua sebabnya. Pertama, kita katakan jual barang ini, tiba-tiba barang itu lambat, macam cheap sale, dia hendak clearkan kira-kiranya, hendak beli barang lain, tentulah dia kena jual barang itu cepat kerana dia hendak beli yang lain dan berniaga ini dia tidak mesti kita sukut macam ubat. Dia kira hendak mengambil untung.

Kemudian daripada itu, satu lagi kemungkinan dia kena jual murah daripada itu, misalnya oleh satu-satu kesan tabiai. Kesan daripada udarakah atau apakah. Ini kesemuanya boleh mengurangkan dan menjadi satu masalah pula jikalau kita tidak membolehkan, kita tidak membenarkan dia menjualkan begitu. Kalau dia hendak jaga harga jangan dimainkan, sekejap tinggi, sekejap turun, baharulah boleh kita buat undang-undang, iaitu harga-harga yang tertentu bagi barang-barang yang tertentu itu mestilah turunnya dikontrol oleh Kerajaan dengan ditetapkan. Itu bolehlah orang itu mengikut, jikalau tidak, misalnya terkadang-kadang barang itu 40 sen, hujan sampai 10 hari, barang itu hendak dikeluarkanpun tidak boleh, putus jalan sana, putus jalan sini, tentulah dia lebihkan 5 senkah, berapa senkah. Itu nature dalam perdagangan. Saya bersetuju maksud mengawal harga-harga, tetapi dengan form yang ada ini, saya mintalah Mufti Undang-undang kita tolonglah sedikit dalam perkara ini. (*Ketawa*).

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, tidak payah pakai Mufti Undang-undang, saya pun boleh jawab tentang perkara ini. Recommended price, ini satu perkataan yang digunakan lazimnya, misalnya kita tengok dalam iklan, dalam surat-khabar, dia taruh T.V. set. Recommended price \$300.00. Itu recommended price. Kalau ada yang dia hendak jual \$290.00, itu dia punya fasal. Kalau ada orang yang hendak membeli dengan harga \$350.00 dia hendak beli lebih, itu tanggungjawab dia. Tetapi dia sebutkan recommended price. Dengan sebab itu, kita gunakan recommended price.

Fasal 14 (I) (b) itu, ini seperti yang saya sebutkan jadi, katakanlah dia buat cheap sale. Dia bubuh di situ dengan perkataan yang besar—\$5.00. Sekarang dia cross, dia bubuh \$2.50, maknanya dahulu dia jual \$5.00, sekarang ini dia jual dengan harga \$2.50. Yang sebenarnya bukan dia jual dengan harga \$2.50, dia barangkali menjual dengan harga itu juga, tetapi dia cross, dengan sebab dia hendak tipu. Ini yang kita hendak tujukan. Kalau genuine cheap sale, memang kita suka. Lagi kurang, dia buat, lagi baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar janganlah bimbang tentang hal ini, kerana yang kita hendak jagakan ini, ialah kepentingan pengguna-pengguna seperti yang saya katakan tadi, lebih lagi daripada yang lain-lain, dan kalau ada yang menguntungkan pengguna, yang undang-undang ini menyekat, saya akan membawakan balik Rang Undang-undang ini sekali lagi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

(Usul)

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan ini tidak akan ditangguhkan

hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan Rang Undang-undang Perihal Dagangan, 1972.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan Rang Undang-undang Perihal Dagangan, 1972.

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

Fasal 14 hingga 39 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 7hb September, 1972.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.